

SEJARAH

KERTAS 3

SPM

2019

BIL	ISI KANDUNGAN	M/SURAT
1	JELASKAN/ HURAIKAN/ TERANGKAN LATAR BELAKANG PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA MASYARAKAT MELAYU TRADISONAL?	4
2	JELASKAN/ HURAIKAN/ TERANGKAN KONSEP PEMBINAAN NEGARA BANGSA MALAYSIA?	4
3	BANDINGKAN/ BEZAKAN/ TERANGKAN/ HURAIKAN/ JELASKAN PEMBINAAN NEGARA BANGSA JERMAN , ITALI DAN MADINAH.	4-5
4	HURAIKAN/ NAYATAKAN/ JELASKAN/ TERANGKAN CIRI-CIRI NEGARA DAN BANGSA MALAYSIA	5
5	HURAIKAN/ JELASKAN/ TERANGKAN CIRI-CIRI NEGARA DAN BANGSA KESULTANAN MELAYU MELAKA	5-6
6	TERANGKAN/ HURAIKAN/ JELASKAN WARISAN NEGERI-NEGERI MELAYU BERIKUT (a) JOHOR (b) KELANTAN (c) TERENGGANU (d) NEGERI SEMBILAN	7-9
7	TERANGKAN/ HURAIKAN/ JELASKAN/ BAGAIMANA/ BUKTIKAN REAKSI PENDUDUK TANAH MELAYU TERHADAP MALAYAN UNION	9-10
8	NYATAKAN/ HURAIKAN/ TERANGKAN/ JELASKAN TINDAKAN/ CARA ORANG MELAYU MENENTANG MALAYAN UNION	10-11
9	HURAIKAN/ JELASKAN/ MENGAPA/TERANGKAN FAKTOR PENUBUHAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948	11-12
10	HURAIKAN/ JELASKAN/ TERANGKAN KRONOLOGI LANGKAH-LANGKAH PEMBENTUKAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU	12
11	TERANGKAN/JELASKAN/ HURAIKAN PERJANJIAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948	12-13
12	JELASKAN/ HURAIKAN/ SUMBANGAN TOKOH-TOKOH PENGGERAK PERSEKUTUAN TANAH MELAYU	13
13	JELASKAN/ BUKTIKAN KEPENTINGAN SISTEM AHLI DALAM MENCAPAI KEMERDEKAAN NEGARA	13-14
14	SUMBANGAN/PERANAN SURUHANJAYA REID KE ARAH PEMBENTUKAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU YANG BERDAULAT	15
15	TERANGKAN/ JELASKAN/ HURAIKAN ISI PERJANJIAN/KANDUNGAN PERJANJIAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1957	15
16	KEPENTINGAN/ MANFAAT/ KELEBIHAN/ KEBAIKAN ISI PERJANJIAN/ KANDUNGAN PERJANJIAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1957 DALAM MEMBENTUK PEMBINAAN NEGARA BANGSA YANG BERDAULAT	16
17	PERANAN/SUMBANGAN TOKOH KEMERDEKAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1957 DALAM PEMBINAAN NEGARA BANGSA YANG BERDAULAT	16
18	BUKTIKAN/ JELASKAN BAGAIMANA KITA MEMUPUK SEMANGAT PATRIOTISME	17-18
19	TERANGKAN/ NYATAKAN CABARAN/ HALANGAN DALAM MEMUPUK SEMANGAT PATRIOTISME	18
20	JELASKAN/ TERANGKAN/ HURAIKAN LANGKAH-LANGKAH MEMUPUK SEMANGAT PATRIOTISME	18-19
	TERANGKAN LANGKAH/ BAGAIMANAKAH CARA UNTUK MEMUPUK PERPADUAN KAUM DI NEGARA KITA	19
21	JELASKAN/ TERANGKAN/ BUKTIKAN CABARAN YANG DIHADAPI DALAM MEMUPUK PERPADUAN KAUM	20
22	JELASKAN/ HURAIKAN/ TERANGKAN LANGKAH-LANGKAH MEMUPUK PERPADUAN KAUM	20

23	BUKTIKAN/ BAGAIMANA SEMANGAT PATRIOTISME DAPAT MEMBANTU MEMAJUKAN NEGARA	21
24	JELASKAN/ HURAIKAN/ BUKTIKAN/ BAGAIMANA PERPADUAN KAUM DAPAT MEMBANTU MEMAJUKAN NEGARA?	21-22
25	BUKTIKAN/ JELASKAN/ HURAIKAN/ TERANGKAN KEJAYAAN/ PENCAPAIAN HASIL DARIPADA SEMANGAT PATRIOTISME	22-23
26	NYATAKAN/ BUKTIKAN/ TERANGKAN/ JELASKAN KEJAYAAN/ PENCAPAIAN HASIL DARIPADA PERPADUAN KAUM	23-25
27	JELASKAN PERANAN/ TANGGUNGJAWAB SAYA/ RAKYAT/ MASYARAKAT DALAM MENINGKATKAN/ MENZAHIRKAN SEMANGAT PATRIOTISME/ NASIONALISME	25
28	HURAIKAN/JELASKAN PERANAN RAKYAT (MASYARAKAT) MENINGKATKAN PERPADUAN KAUM	25-26
29	TERANGKAN/ JELASKAN KESAN SEKIRANYA TIDAK MEMPUNYAI SEMANGAT PATRIOTISME YANG TINGGI	26
30	BUKTIKAN KEPENTINGAN PERPADUAN KEPADA NEGARA.	27
31	TERANGKAN KESAN/ IMPLIKASI/ AKIBAT/ IMPAK JIKA TIDAK WUJUD PERPADUAN KAUM DALAM KALANGAN RAKYAT DI NEGARA INI	27-28
32	SARANKAN LANGKAH-LANGKAH MENGEKALKAN PERPADUAN	28-29
33	HURAIKAN IKTIBAR YANG DIPEROLEH DARIPADA PAKATAN MURNI	30
34	APAKAH IKTIBAR YANG DIPEROLEH DARIPADA PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA MALAYSIA?	30
35	RUMUSAN RUMUSKAN TENTANG KONSEP PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA MALAYSIA YANG BERDAULAT	30-32

JELASKAN/ HURAIKAN/ TERANGKAN LATAR BELAKANG PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA MASYARAKAT MELAYU TRADISONAL?

(5 MARKAH)

Dalam masyarakat Melayu tradisional telah muncul kerajaan dan kemunculannya disebabkan adanya **raja**. Kedudukan raja begitu **tinggi dan istimewa** dalam sesebuah kerajaan. Raja bertanggungjawab memberi **perlindungan politik** dan menjamin keselamatan rakyat yang mendiami wilayah kekuasaannya. Sebagai balasan, **rakyat taat**, menerima dan mengakui kekuasaan raja. Kesetiaan rakyat terhadap rajanya inilah yang menentukan **sempadan kerajaan** atau wilayah yang diperintah oleh raja tersebut. Kerajaan yang kuat akan **menakluk atau menaungi** kerajaan lain yang lemah untuk mengembangkan empayarnya.

JELASKAN/ HURAIKAN/ TERANGKAN KONSEP PEMBINAAN NEGARA BANGSA MALAYSIA?

(5 MARKAH)

Konsep **bangsa Malaysia** merupakan konsep baru bagi rakyat berbilang kaum di negara ini. Apabila Persekutuan Tanah Melayu diisytiharkan merdeka pada 31 Ogos 1957 dan Malaysia **dibentuk pada 16 September** maka lahirlah negara dan bangsa Malaysia. Bangsa Malaysia terdiri daripada **masyarakat berbilang kaum** yang berlainan bahasa, budaya, kepercayaan dan pendapat terhadap keduniaan. Bangsa Malaysia dibentuk melalui **bahasa kebangsaan** serta pengamalan kebudayaan kebangsaan dan **Rukun Negara** dalam setiap bidang kehidupan. Pembentukan bangsa Malaysia merupakan **hasil perjuangan kemerdekaan**, pengisian kemerdekaan dan pengekalan kemerdekaan

BANDINGKAN/ BEZAKAN/ TERANGKAN/ HURAIKAN/ JELASKAN PEMBINAAN NEGARA BANGSA JERMAN , ITALI DAN MADINAH.

(20 MARKAH)

Pembentukan negara bangsa Itali

Itali asalnya dikuasai oleh **Austria** dan rakyatnya mahu menyatukan Itali dengan membebaskan diri daripada pemerintahan Austria. **Count Camill Benso** di Cavour berusaha menyatukan Itali menjadi sebuah negara melalui konsep yang dinamakan **realpolitik**. Realpolitik adalah amalan yang **mewajarkan apa-apa sahaja** cara untuk mencapai matlamatnya.

Usaha Benso di Cavour dalam penyatuan Itali merangkumi beberapa kaedah. Antaranya beliau **bekerjasama dengan Napoleon III** iaitu pemerintah Perancis dalam menentang Austria pada tahun 1860. Selain dari itu beliau juga mengadakan **pungutan suara**, dengan kaedah ini beliau berjaya mendapat majoriti dalam kaedah tersebut. Realpolitik yang diamalkan iaitu **membantu Prussia tewaskan Austria** di samping menyatukan dan berlandaskan kepada pemerintahan monarki. Beliau juga menyatukan Itali melalui amalan realpolitik. Perancis mengundurkan tenteranya dari Rom lalu beliau telah mengambil kesempatan **menyatukan Rom dan Itali**. Akhirnya **terbentuklah sebuah** negara bangsa Itali.

Pembentukan negara bangsa Jerman

Penyatuan Jerman dilakukan oleh **Otto Eduard Von Bismark** dengan mengamalkan **realpolitik dan politik darah dan besi** untuk menyatukan negara tersebut pada tahun 1871. Bismarck telah menggunakan pelbagai taktik antaranya menggunakan **tipu helah, pemalsuan dokumen, provokasi, penipuan dan ugutan** untuk mencetuskan peperangan. Matlamatnya adalah untuk **menyatukan Jerman** dan rakyatnya menerima sistem kediktatoran yang diperjuangkan oleh tokoh mereka. Tokoh ini juga menggunakan **isu membenci kuasa asing** untuk memenangi dan membangkitkan semangat rakyat Prussia di medan tempur.

Pembentukan kerajaan Islam di Madinah

Pembentukan kerajaan Islam di Madinah merupakan **penyatuan ummah** di mana ia merupakan satu contoh penyatuan melalui **prinsip Islam**. Nabi Muhammad s.a.w **menyusun perlembagaan** terlebih dahulu sebelum mengasaskan kerajaan Islam di Madinah. Piagam Madinah ketika itu telah berjaya **menyatukan penduduk** yang berbilang kaum iaitu Yahudi, orang Kristian dan orang Arab. Baginda membentuk kerajaan Islam dengan menggunakan cara **diplomatik, musyawarah dan permuafakatan** lalu terbentuklah kerajaan Islam di Madinah.

Pembentukan kerajaan Islam di Madinah membuktikan bahawa wujudnya amalan **kerjasama dan permuafakatan antara pemimpin dengan pemimpin dan antara pemimpin dengan rakyat**. Amalan ini sepatutnya menjadi satu amalan yang perlu dicontohi dalam dalam menjamin keutuhan negara dan bangsa.

HURAIKAN/ NAYATAKAN/ JELASKAN/ TERANGKAN CIRI-CIRI NEGARA DAN BANGSA MALAYSIA

(10 MARKAH)

Sejarah perkembangan negara memperlihatkan bahawa proses pembinaan negara dan bangsa adalah berasaskan kepada empat ciri utama iaitu **negara, kerajaan, bangsa dan perlembagaan**.

Negara adalah wilayah yang mempunyai **penduduk, sempadan dan pemerintahan** yang berwujud. Negara Malaysia terdiri daripada **Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah**. Negara merujuk kepada **institusi pemerintahan** yang tersusun yang bertanggungjawab membuat dan melaksanakan keputusan politik serta menguatkuasakan undang-undang dan peraturan kerajaan.

Bangsa pula merujuk kepada sekumpulan manusia yang **mendiami sesebuah wilayah** serta yang mempunyai persamaan dari segi **bahasa, adat resam, kesenian dan pengalaman sejarah**. Idea bangsa kini sering digunakan oleh negara untuk melahirkan perasaan **bersatu padu** dalam kalangan rakyat yang berbilang kaum demi membentuk **bangsa Malaysia yang kukuh**.

Kerajaan ialah pemerintah yang bertanggungjawab **menggubal dan melaksanakan** dasar sesebuah negara. Kerajaan ini merangkumi semua badan yang membuat, mentafsirkan dan melaksanakan dasar-dasar tersebut. Kerajaan juga bertindak sebagai **pengaman dan penentu arah** kehidupan masyarakat sesebuah negara. Kerajaan merujuk kepada tiga badan dalam pemerintahan iaitu **Badan Perundangan, Badan Pelaksana dan Badan Kehakiman**.

Perlembagaan merupakan peraturan tertinggi sama ada **bertulis atau tidak bertulis** yang menjadi **rujukan dan panduan** bagi mentadbir dan memerintah sesebuah negara. Di Malaysia, perlembagaan merupakan **peraturan bertulis** tertinggi yang didokumenkan dan dijadikan rujukan untuk mentadbir negara. Perlembagaan bertujuan memberikan **jaminan perlindungan** kepada rakyat.

HURAIKAN/ JELASKAN/ TERANGKAN CIRI-CIRI NEGARA DAN BANGSA KESULTANAN MELAYU MELAKA

(15 MARKAH)

Ciri-ciri negara dan bangsa dalam Kesultanan Melayu Melaka ialah wilayah pengaruh, kedaulatan, rakyat, kerajaan, lambang-lambang dan keunggulan undang-undang. Ciri yang pertama ialah **wilayah pengaruh** merujuk kepada kawasan yang **rakyatnya menerima dan memperakui pemerintahan seorang raja**. Kesultanan Melayu Melaka mempunyai **lingkungan pengaruh yang**

luas walaupun sempadannya tidak ditetapkan seperti sempadan negara moden. Empayarnya **meliputi keseluruhan Semenanjung Tanah Melayu dan seluruh timur Sumatera.**

Ciri yang kedua ialah **kedaulatan** yang merupakan kekuasaan tertinggi terhadap rakyat sesebuah wilayah dan kekuasaan ini tidak boleh dihadkan oleh mana-mana pihak. Kedaulatan juga merujuk pada **kekuasaan yang dimiliki oleh sebuah negara atau pemerintah.** Negara atau pemerintah boleh menggunakan segala kuasa yang dimilikinya untuk menggubal dan menguatkuasakan undang-undang. Ini bermakna negara berkenaan mempunyai hak mutlak terhadap rakyatnya. Kedaulatan memastikan **sesebuah negara itu bebas daripada campur tangan, paksaan, taklukan atau penjajahan kuasa asing.** Kedaulatan pada Zaman Kesultanan Melayu Melaka dirujuk terus kepada raja yang memerintah. Raja yang memerintah mewakili negeri atau kawasan pemerintahan.

Seterusnya ciri negara dan bangsa Kesultanan Melayu Melaka ialah **lambang negara** yang merupakan simbol atau tanda yang menjadi identiti sesebuah negara. **Bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan** dan lambang penyatuan negara dan bangsa. **Sistem pemerintahan beraja,** adat istiadat Melayu, bahasa Melayu dan **agama Islam** merupakan warisan yang dikekalkan sejak Zaman Kesultanan Melayu Melaka hingga hari ini. Kebesaran sultan dan Kesultanan Melayu Melaka dilambangkan dengan **alat regalia, nobat, warna, bahasa, undang-undang, protokol dan adat istana.**

Salah satu asas pembentukan negara dan bangsa ialah **keunggulan undang-undang dalam pemerintahan.** Penguatkuasaan undang-undang merupakan cara formal untuk mengawal masyarakat melalui peraturan yang telah diwartakan. Undang-undang dicipta **untuk memelihara keamanan dan melindungi rakyat.** Keunggulan undang-undang menentukan struktur kerajaan, kehakiman, bahasa, agama dan kerakyatan diterima oleh masyarakat. Pada **zaman Kesultanan Melayu Melaka** terdapat **dua sumber undang-undang bertulis yang dipengaruhi oleh hukum adat tempatan dan agama Islam,** iaitu Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka. **Hukum Kanun Melaka mengandungi 44 fasal yang menyentuh bidang kuasa raja dan pembesar serta pantang larang di kalangan anggota masyarakat.** Hukum Kanun Melaka ini menyatakan hukuman terhadap kesalahan jenayah awam, undang-undang keluarga dan sebagainya. **Undang-undang Laut Melaka pula memperuntukkan perkara yang berkaitan tatacara pelayaran di laut seperti tanggungjawab pengawal kapal, atur cara pelayaran, perniagaan, bidang kuasa nakhoda kapal dan hukuman bagi kesalahan jenayah.**

Ciri negara dan bangsa Kesultanan Melayu Melaka yang berikutnya ialah **rakyat iaitu seluruh penduduk bagi sesebuah wilayah** dan mereka ini terikat kepada undang-undang dan peraturan yang dikuatkuasakan dalam wilayah tersebut. Pada Zaman Kesultanan Melayu Melaka, **rakyat bertanggungjawab mentaati raja yang memerintah.** Sebagai tanda ketaatan, **rakyat bersedia mempertahankan negara, menghadiri adat istiadat kerajaan, mengadakan gotong-royong, kerahan tenaga** dan sebagainya.

Akhir sekali ciri negara dan bangsa Kesultanan Melayu Melaka ialah **kerajaan.** Kerajaan merupakan **badan yang diberikan kuasa untuk menguruskan pentadbiran, menjaga keamanan, mempertahankan kedaulatan negara dan menjalin hubungan diplomatik** dengan negara lain. Pada zaman Kesultanan Melayu Melaka, **Sultan merupakan pemerintah tertinggi yang dibantu oleh Bendahara, Penghulu Bendahari, Temenggung dan Laksamana.** Mereka menjadi tonggak institusi kerajaan yang memerintah dan diberi portfolio mengikut bidang tugas masing-masing, iaitu di istana, di darat, di laut, di sekitar Melaka dan di jajahan takluk Melaka. **Sistem pembesar Empat Lipatan** menjamin kesentosaan sistem pemerintahan beraja dan kerajaan di Melaka.

TERANGKAN/ HURAIKAN/ JELASKAN WARISAN NEGERI-NEGERI MELAYU BERIKUT

- (a) JOHOR**
- (b) KELANTAN**
- (c) TERENGGANU**
- (d) NEGERI SEMBILAN**

(20 MARKAH)

WARISAN NEGERI-NEGERI MELAYU.

Pengenalan

Negeri-negeri Melayu seperti **Johor, Perak dan Pahang** adalah **Warisan Kesultanan Melayu Melaka**. Negeri-negeri ini menggunakan **gelaran Sultan** dalam pemerintahan. Selain itu, **agama Islam sebagai agama rasmi**. Seterusnya, masih mengamalkan **sistem perwarisan takhta** yang mementingkan jurai **keturunan sebelah bapa**. Negeri-negeri ini menjadikan **bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan**, serta mengamalkan **Sistem Pembesar Empat Lipatan**. Akhir sekali, turut mewarisi **adat istiadat Melayu**.

JOHOR : UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN JOHOR

Pengasas Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor ialah **Sultan Abu Bakar** . Undang-undang bertulis ini berkuat kuasa pada 1895. Kandungan perlembagaan ini menerangkan **berkaitan keturunan Sultan sebagai pewaris**. Selain itu, **pengiktirafan orang Melayu sebagai rakyat Johor**. Seterusnya menerima agama **Islam sebagai agama negeri**.

Perlembagaan ini turut menyenaraikan empat **syarat menjadi raja** iaitu mestilah **berbangsa Melayu, mestilah lelaki, beragama Islam** serta merupakan waris Sultan pemerintah Johor.

Perlembagaan bertulis Johor turut menyatakan **larangan yang harus dipatuhi oleh Raja , Menteri dan Jemaah Pemangku Negeri**. Mereka **dilarang menyerahkan negeri kepada kuasa luar atau kerajaan lain**.

Selain itu, **Raja berhak memilih Menteri Besar**. Manakala, **Jemaah Menteri boleh memilih Naib Menteri Besar** dengan perkenan Raja.

Perlembagaan Johor 1895 turut menjelaskan bidang tugas **Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri**. Pertama , adanya **Majlis Negeri yang mempunyai kuasa perundangan dan membantu Raja dan Jemaah Menteri dalam mentadbir negeri dan rakyat**. **Majlis Negeri diketuai oleh Menteri Besar sebagai Yang Dipertua**.

Kedua , adanya **Jemaah Menteri yang mempunyai kuasa pelaksana**. Mereka terdiri daripada 8-12 orang pegawai kanan kerajaan. Mereka semua **berbangsa Melayu, beragama Islam dan merupakan rakyat Johor**. Semua yang dilantik perlu **mengangkat sumpah dan memberi taat setia** kepada Raja serta kerajaan Johor.

Kepentingan perlembagaan Johor ialah dapat membentuk **kerajaan bercorak demokrasi** bagi menggantikan pemerintahan beraja berkuasa mutlak. Selain itu, berjaya **memantapkan sistem pentadbiran Johor**. Seterusnya, dapat **menghalang rancangan British menguasai negeri Johor**.

KELANTAN SISTEM JEMAAH MENTERI

Sistem Jemaah Menteri ini telah diamalkan sejak pemerintahan Sultan Muhammad I (1801-1836). Selepas itu, Sultan Muhammad II (1836-1886) menyambung dan membentuk Sistem Jemaah Menteri mengikut perancangan baginda bagi **melicinkan lagi pentadbiran negeri Kelantan**. Baginda telah **menyingkirkan kerabat diraja yang terlibat dalam pertikaian merebut kuasa dan menggantikannya dengan golongan pembesar yang bergelar Nik dan Wan**. Golongan ini telah membantu **mengukuhkan kewibawaan Sultan Muhammad II dengan memberikan taat setia kepada baginda**. Di bawah pemerintahan Sultan Muhammad II, **baginda membentuk 8 badan Jemaah Menteri** dengan bidang kuasa berbeza, setiap satunya dianggotai oleh 4 orang pembesar.

Penstrukturan Sistem Jemaah Menteri Kelantan dilaksanakan melalui pembentukan **Jemaah Penasihat Raja yang berperanan dalam menguruskan perkara dan urusan penting yang bukan rahsia**. Manakala, **Jemaah Menteri Istana akan menguruskan istiadat diraja dan istiadat rasmi di seluruh negeri Kelantan**. Selain itu, adanya **Jemaah Menteri Keadilan dan Kehakiman yang mengendalikan urusan penting tentang keadilan dan kehakiman**. Seterusnya, **Jemaah Menteri Dalam Negeri bertugas menjaga keamanan negeri**. Penubuhan **Jemaah Menteri Luar pula berperanan untuk menguruskan dasar dan hal ehwal luar negeri**. Seterusnya, **Jemaah Menteri Perbendaharaan diwujudkan bagi mengendalikan harta benda dan hasil mahsul**. **Jemaah Menteri Peperangan pula bertanggungjawab bagi menguruskan pertahanan dan keamanan negeri**. Akhir sekali, **Jemaah Menteri Pentadbiran dan Pengimarah Negeri akan menguruskan kemajuan dan pembangunan negeri**.

TERENGGANU : UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN TERENGGANU (ITTIQAN-ILMULUK BI'TA'DIL IL-SULUK)

Pengasas Undang-undang Tubuh Kerajaan Terengganu ialah **Sultan Zainal Abidin III yang memerintah Terengganu dari 1881-1918**. Pada 1911 baginda meluluskan Undang-undang Tubuh Kerajaan Terengganu yang dikenali sebagai **ITTIQAN-ILMULUK BI'TA'DIL IL-SULUK yang bermaksud keyakinan kepada pemerintah yang berdasarkan keadilan**. Perlembagaan ini turut berasaskan Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895.

Tujuan Sultan Zainal Abidin III memperkenalkan perlembagaan ini adalah **untuk menghalang British meluaskan kuasanya di Terengganu**.

Kandungan perlembagaan bertulis ini masih **mengekal amalan sistem monarki dengan memberi keistimewaan kepada agama Islam sebagai agama negeri**.

Undang-undang Tubuh Kerajaan Terengganu juga mengandungi fasal antaranya **berkaitan pelantikan raja, syarat menjadi raja, waris takhta, tertib Raja, zuriat raja dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri**.

Perlembagaan ini turut menyenaraikan empat **syarat menjadi raja iaitu mestilah berbangsa Melayu, mestilah lelaki, beragama Islam serta merupakan waris Sultan pemerintah Terengganu**. Dicatatkan juga berkaitan pemerintahan beraja di Terengganu adalah bercorak **Raja Berperlembagaan**.

Sultan dibantu oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Jemaah Menteri. Mereka semua berbangsa Melayu, beragama Islam dan merupakan rakyat Terengganu serta mengaku taat setia kepada raja dan kerajaan Terengganu.

Perlembagaan bertulis Terengganu turut **menyatakan larangan yang harus dipatuhi oleh Sultan dan Menteri. Mereka dilarang mengkhianati pemerintah negeri dan dilarang menyerah negeri kepada kuasa atau kerajaan lain.**

Selain itu, **Raja berhak memilih Menteri Besar. Manakala, Jemaah Menteri boleh memilih Naib Menteri Besar dengan perkenan Raja.**

Perlembagaan Terengganu menjelaskan **bidang tugas Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri iaitu membantu Sultan mentadbir negeri Terengganu . Selain itu, menggubal undang-undang dan peraturan negeri. Turut berperanan menjaga kebajikan rakyat. Juga perlu menjaga keamanan negeri. Seterusnya, menjalin hubungan persahabatan dengan negeri lain.**

Kepentingan perlembagaan Terengganu ialah dapat **menjamin sistem pentadbiran yang berkesan. Selain itu, dapat menggambarkan kebijaksanaan pemerintah Terengganu mentadbir negeri. Seterusnya, meningkatkan kecekapan sistem pentadbiran dan sebagai benteng mempertahankan kedaulatan negeri.**

NEGERI SEMBILAN – PRINSIP DEMOKRASI DAN KONSEP PERSEKUTUAN

Negeri Sembilan terdiri dari **9 negeri iaitu Sungai Ujung, Rembau, Johol, Jelevu, Jempol, Seri Menanti, Inas, Terachi dan Gunung Pasir.**

Pada abad ke-18, Negeri Sembilan mempunyai rajanya sendiri iaitu **Raja Melewar dengan gelaran Yam Tuan Besar.** Negeri Sembilan merupakan negeri Melayu pertama mirip Persekutuan sebelum terbentuknya Negeri-negeri Melayu Bersekutu.

Negeri Sembilan mengamalkan **sistem pemerintahan berasaskan Adat Perpatih iaitu ‘kedaulatan berada di tangan rakyat’.** Mengikut hierarki Adat Perpatih , **pelantikan pemimpin di buat daripada peringkat paling bawah iaitu Anak Buah. Diikuti oleh Buapak , kemudian Lembaga, seterusnya Undang yang kemudiannya melantik Yang Dipertuan Besar.**

Unsur **demokrasi dalam sistem pemilihan pemimpin** di Negeri Sembilan dapat dilihat melalui pembahagian kepada 4 daerah atau jajahan yang disebut **Luak Rembau, Luak Sungai Ujung, Luak Jelevu dan Luak Johol.** Ketua setiap luak ialah **Undang** dan mereka dipilih oleh **Lembaga.** Lembaga pula dipilih oleh **Buapak.** Undang dipertanggungjawabkan melantik **Yang Dipertuan Besar.**

Lembaga merupakan Ketua Suku dan bertanggungjawab terhadap suku masing-masing. **Buapak merupakan Ketua Perut. Setiap anggota Perut dikenali sebagai Anak Buah.** Buapak menjadi tempat rujukan bagi setiap masalah khususnya yang berkaitan dengan adat. Sistem ini tidak mengamalkan kuasa mutlak tetapi mengagihkan kuasa kepada individu mengikut peringkat. Ini menunjukkan bahawa **sistem pemilihan pemimpin Negeri Sembilan mempunyai unsur demokrasi.** Sistem pemerintahannya telah melahirkan peraturan hidup seperti kepentingan bersama, semangat bergotong-royong , permuafakatan dan sikap saling menghormati antara satu sama lain. **Sistem ini lebih mementingkan permuafakatan dan semangat kerjasama antara suku semasa memilih pemimpin.**

TERANGKAN/ HURAIKAN/ JELASKAN/BAGAIMANA/ BUKTIKAN REAKSI PENDUDUK TANAH MELAYU TERHADAP MALAYAN UNION

(10 MARKAH)

Pelbagai reaksi ditunjukkan oleh penduduk Tanah Melayu apabila **Malayan Union diperkenalkan.** Kebanyakan daripada mereka menentang Malayan Union disebabkan oleh beberapa faktor. Orang Melayu **membantah** tindakan Sir Harold MacMichael yang mengugut Raja-Raja Melayu bahawa baginda akan diturunkan takhta sekiranya enggan menerima Malayan Union seperti yang terjadi kepada Sultan Badlishah, Kedah. Selain itu, kebanyakan **sultan tidak diberikan**

masa yang cukup untuk berunding dengan Majlis Mesyuarat Negeri seperti yang berlaku kepada Sultan Perak. Terdapat juga sultan yang menandatangani Perjanjian Malayan Union atas **dasar setia kawan** kepada British seperti Sultan Selangor dan Sultan Johor.

Selain itu, bagi orang Melayu keadaan selepas Perang Dunia Kedua tidak sesuai untuk British membuat pembaharuan politik. Orang Melayu secara prinsipnya menentang **penghakisan** kuasa Raja-Raja Melayu dalam Malayan Union. **Raja-Raja Melayu hanya menjadi ahli Majlis Raja-Raja Melayu tanpa sebarang kuasa**. Raja-Raja juga kehilangan takhta dan kredibiliti sebagai ketua orang Melayu. Sebagai contoh, walaupun masih membincangkan soal agama Islam, namun zakat dipungut atas nama Gabenor Malayan Union. Keadaan ini bertentangan dengan kedudukan sultan sebelum ini yang merupakan ketua agama Islam. Justeru, orang Melayu bimbang agama Islam akan tercabar.

Selain itu, pemberian **kerakyatan** yang longgar kepada orang dagang juga ditolak oleh orang Melayu. Dasar terbuka British ini dilihat mengancam status quo orang Melayu sebagai peribumi. Jumlah orang Melayu akan menjadi kecil dengan kemasukan orang dagang manakala ekonomi dan pendidikan mereka bertambah mundur.

Orang Melayu juga bimbang akan kehilangan **warisan** tamadun Melayu yang telah dibina sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka. Bagi mereka, pengenalan Malayan Union akan menghapuskan sejarah yang dibina oleh kerajaan tersebut. Lantaran itu, orang Melayu menentang Malayan Union dengan mengadakan demonstrasi secara besar-besaran. Sebagai contoh di Kota Bharu (Kelantan) seramai 10 000 orang dan di Kedah seramai 50 000 orang berarak menentang Malayan Union pada bulan Januari 1946. Di Batu Pahat (Johor) orang ramai telah keluar membantah Malayan Union.

Namun begitu, terdapat juga sebahagian kecil yang **menyokong** Malayan Union antaranya orang dagang dan golongan Melayu radikal. Mereka bersetuju dengan dasar menyatukan negeri-negeri Melayu menjadi sebuah unit politik untuk melicinkan pentadbiran. Mereka juga menyokong dasar sama rata Malayan Union yang akan menghapuskan hak-hak perlindungan kepada orang Melayu. Kerakyatan Malayan Union yang terbuka juga disokong kerana mereka boleh **mengekalkan kerajaan asal** masing-masing. Mereka juga mempercayai janji British yang akan memberikan kemerdekaan kepada Tanah Melayu. Bagaimanapun, British perlu menjajah sebelum proses berkerajaan sendiri dilaksanakan dan kemerdekaan diberikan. Janji ini merupakan harapan semua parti dan persatuan yang menyokong Malayan Union.

Malayan Union turut disokong oleh Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) kerana pemerintahannya bersifat Barat serta menghapuskan sistem feodal Melayu dan tidak mengiktiraf kuasa raja dan pembesar Melayu. Justeru, **konsep republik** seperti di Indonesia dapat dijalankan dan seterusnya konsep Melayu Raya dapat dilaksanakan. Ekoran itu juga, konsep Malayan Union mendapat sokongan daripada angkatan Pemuda Insaf (API) pimpinan Ahmad Boestamam, Angkatan Wanita Sedar (AWAS) dan Barisan Tani Malaya (BATAS). Penyatuan pentadbiran agama Islam dan Malayan Union disokong oleh PKMM kerana hal ehwal pentadbiran Islam dipermudah. Terdapat juga pegawai tadbir Melayu yang menyokong Malayan Union dengan alasan British merupakan kuasa besar dan mempunyai kecekapan untuk membangunkan Tanah Melayu.

NYATAKAN/ HURAIKAN/ TERANGKAN/ JELASKAN TINDAKAN/ CARA ORANG MELAYU MENENTANG MALAYAN UNION

(10 MARKAH)

Bantahan orang Melayu terhadap Malayan Union dibuat dalam pelbagai tindakan. **Akhbar-akhbar** Melayu seperti Utusan Melayu, Majlis dan Warta Negara telah menyuarakan bantahan secara berterusan. Selain itu, orang Melayu telah mengadakan **demonstrasi** secara damai semasa Sir Harold MacMicheal mendapatkan tandatangan Raja-Raja Melayu. Hal ini berlaku di Kota Bharu, Kelantan dan Alor Setar, Kedah. Malah, persatuan-persatuan Melayu dihidupkan semula untuk

menentang Malayan Union. Mereka menghantar **telegram** dan surat bantahan ke pejabat Tanah jajahan di London.

Pada 23 Januari 1946, Dato' Onn Ja'afar menyeru orang Melayu **berkongres** dan menubuhkan United Malays Organization (U.M.O) sebagai benteng menentang Malayan Union. Kongres Melayu 1946 telah diadakan dari 1 hingga 4 Mac 1946 di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, Kuala Lumpur. Kongres ini dihadiri oleh 41 buah persatuan dari seluruh Semenanjung Tanah Melayu. Kongres ini bersetuju menubuhkan United Malays National Organization (UMNO) atau Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu untuk menentang Malayan Union. Kongres Melayu Kedua diadakan pada 30 hingga 31 Mac 1946 untuk membantah pengisytiharan Malayan Union.

Orang Melayu turut mengadakan **rapat umum** di setiap bandar besar untuk menunjukkan bantahan mereka kepada ahli Parlimen British, iaitu L.D. Gammans dan David Reese Williams. Malah, Raja-Raja Melayu telah berkumpul di Kuala Kangsar pada 28 April 1946 untuk menyatakan bantahan mereka kepada ahli-ahli parlimen tersebut.

Langkah tegas orang Melayu ini telah mendorong British memulakan **rundingan** dengan Raja-Raja Melayu dan UMNO. Hasil daripada rundingan ini, Persekutuan Tanah Melayu telah dibentuk.

HURAIKAN/ JELASKAN/ MENGAPA/TERANGKAN FAKTOR PENUBUHAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948

(10 MARKAH)

Persekutuan Tanah Melayu telah dibentuk pada 1 Februari 1948 melalui Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu yang menggantikan Perjanjian Malayan Union. Perjanjian ini ialah hasil desakan orang Melayu yang menuntut British supaya mempertimbangkan pendapat dan kehendak mereka dalam sebarang perubahan politik di Tanah Melayu. Perjanjian ini juga menunjukkan kejayaan orang tempatan menentang penjajahan British terhadap Tanah Melayu.

Faktor pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948

Faktor pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948 antaranya ialah **ketegasan** orang Melayu membantah Malayan Union di bawah pimpinan Dato' Onn Ja'afar. Perpaduan orang di kalangan orang Melayu yang terdiri daripada golongan raja dan rakyat telah dapat mengatasi pihak lain yang menyokong Malayan Union. Keupayaan orang Melayu memujuk dan mendesak British telah menghidupkan semula dasar perlindungan telah membantu mereka menolak Malayan Union.

Seterusnya, sokongan **bekas pegawai British** yang pernah berkhidmat di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua juga mendorong British membentuk Persekutuan Tanah Melayu. Antara mereka termasuklah Sir Frank Swettenham, Sir R.O. Winstedt, Sir George Maxwell dan Sir Cecil Clementi. Mereka menolak dasar takluk Tanah Melayu.

Sokongan daripada **pegawai tinggi** British seperti Sir Malcolm MacDonald, Sir Edward Gent dan L.D.Gammans telah membantu orang tempatan menggantikan Malayan Union dengan Persekutuan Tanah Melayu.

Sikap politik orang Melayu yang **sederhana** telah mendorong British menerima kehendak mereka. Orang Melayu hanya menulis dalam **akhbar, berdemonstrasi, berkongres dan memujuk Raja-Raja Melayu** untuk menyokong penentangan terhadap British. Mereka tidak mengangkat senjata seperti Parti Komunis Malaya (PKM).

British memilih UMNO dan Raja-Raja Melayu kerana kedua-duanya hanya menuntut rundingan untuk **menolak Malayan Union**. Mereka **tidak menuntut** kemerdekaan daripada British. Faktor inilah yang menyebabkan British menerima pembentukan Persekutuan Tanah Melayu. British

juga bimbang orang Melayu akan dipengaruhi oleh gerakan politik Indonesia yang dikuasai oleh golongan radikal seperti PKMM, API, AWAS dan BATAS.

Tambahan pula, **Piagam Atlantik 1945** yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu **tidak menggalakkan** penjajahan baru, sebaliknya, meminta negara-negara kolonial memberikan **latihan berkerajaan sendiri** kepada penduduk tempatan. Pembentukan Persekutuan Tanah Melayu merupakan satu langkah yang sesuai ke arah mencapai hasrat PBB tersebut.

HURAIKAN/ JELASKAN/ TERANGKAN KRONOLOGI LANGKAH-LANGKAH PEMBENTUKAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU

(10 MARKAH)

British telah menubuhkan sebuah **Jawatankuasa Eksekutif** yang dianggotai oleh **12 orang ahli**. Mereka terdiri daripada **pegawai kanan British, pemimpin UMNO dan wakil Raja-Raja Melayu**. Mereka mengadakan mesyuarat di King's House, Kuala Lumpur. Lima tuntutan orang Melayu, iaitu Raja-Raja Melayu dan UMNO **menolak semua prinsip dan struktur Malayan Union**. Kedua, mereka menginginkan sebuah **persekutuan seperti konsep Negeri-Negeri Melayu Bersekutu**. Ketiga, mereka menolak **kerakyatan terbuka** Malayan Union. Keempat, mereka meminta **dasar perlindungan** terhadap Negeri-Negeri Melayu dan orang Melayu dipulihkan. Kelima, mereka menuntut supaya **Raja-Raja Melayu** sebagai ketua Negeri-Negeri Melayu diakui semula.

Perundingan ditentang oleh **orang dagang** dan golongan **radikal Melayu** pimpinan Dr. Burhanuddin al-Helmy. Mereka berpendapat Jawatankuasa Eksekutif itu **tidak mewakili** semua pihak kerana tidak disertai oleh seorang pun perwakilan orang dagang. Mereka menuntut konsep sebuah **republik dan kemerdekaan penuh**. Majlis Tindakan Bersama Seluruh Malaya atau **All Malayan Council of Joint Action (AMCJA)** dan **Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA)** telah ditubuhkan pada awal tahun 1947 untuk menentang British dan UMNO.

Mereka mengadakan **pelbagai tindakan** seperti ceramah politik, demonstrasi dan mogok. Mereka mencadangkan sebuah perlembagaan, iaitu **Perlembagaan Rakyat**. Untuk berlaku adil, British telah bersetuju menubuhkan **Jawatankuasa Perunding** bagi mendapatkan pandangan mereka dalam menyediakan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

TERANGKAN/JELASKAN/ HURAIKAN PERJANJIAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948

(10 MARKAH)

Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 telah ditandatangani pada **21 Januari 1948** antara Raja-Raja Melayu dengan British di King's House, Kuala Lumpur. Dengan perjanjian ini, pada **1 Februari 1948** Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan dengan rasmi. Perjanjian ini mempunyai ciri-ciri penting yang menjadi asas pentadbiran negara selepasnya.

Sistem pentadbiran Persekutuan Tanah Melayu 1948 memperlihatkan **British masih menguasai Tanah Melayu** kerana kemerdekaan belum diberikan. **Perkongsian kuasa** telah dilakukan antara **Majlis Raja-Raja** dengan **Pesuruhjaya tinggi** pada peringkat pusat. Pada peringkat negeri, **Sultan menjadi ketua negeri** dan berkuasa melantik Menteri Besar sebagai ketua pentadbir negeri. Perjanjian ini telah mengasaskan **sistem pembahagian kuasa** antara kerajaan pusat dengan kerajaan negeri dan seterusnya membentuk **Senarai Persekutuan dan Senarai Negeri**

Ciri-ciri utama Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 ialah, sebuah **persekutuan** dibentuk dengan **gabungan sebelas buah negeri**. Persekutuan Tanah Melayu **diketuai oleh Pesuruhjaya Tinggi British**. Konsep **Raja Berperlembagaan** diwujudkan. **Senarai Persekutuan**

dan **Senarai Negeri** dibentuk dan Pesuruhjaya Tinggi British menjaga **kedudukan istimewa orang Melayu**.

Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 menjelaskan bahawa, **syarat kerakyatan di perketatkan**. Prinsip **kerakyatan jus soli** adalah untuk **Rakyat Raja Melayu** bagi **Negeri-Negeri Melayu** dan **Rakyat British** bagi **Negeri-Negeri Selat** (Melaka dan Pulau Pinang). British mengiktiraf semula **ketuanan Melayu** sebagai asas pembentukan Persekutuan Tanah Melayu. Dasar ini memang telah diakui oleh British sejak Perjanjian Pangkor 1874. **Institusi Raja Melayu dikekalkan** dengan bidang kuasa dan kedudukannya yang jelas dalam pentadbiran. Setiap negeri Melayu malah mengadakan perjanjian dan perlembagaan bertulis dengan British. Perlembagaan itu dikenali sebagai **Undang-undang Tubuh Negeri** yang digunakan sehingga hari ini.

Pengenalan semula **Rakyat Raja Melayu** membuktikan penerusan dasar perlindungan British terhadap kedudukan istimewa orang Melayu, **status quo** Negeri-Negeri Melayu yang dilindungi, **agama Islam dan adat istiadat Melayu** sebagai teras ketuanan bangsa Melayu. Prinsip-prinsip ini yang dicadangkan oleh UMNO dan Raja-Raja Melayu telah dimasukkan ke dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 sebagai undang-undang bertulis. Perkara ini menjadi asas kepada **Kontrak Sosial** antara British dengan Raja-Raja Melayu dan orang Melayu yang diteruskan selepas tahun 1948.

JELASKAN/ HURAIKAN/ SUMBANGAN TOKOH-TOKOH PENGGERAK PERSEKUTUAN TANAH MELAYU

(10 MARKAH)

Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948 melibatkan ramai **pemimpin tempatan, pihak British, Raja Melayu dan pemimpin UMNO**. Terdapat **sembilan orang Raja Melayu** yang terlibat. Mereka telah menyediakan tuntutan dan cadangan yang sesuai untuk menjaga status dan keselamatan rakyat. Antara sultan yang bersuara **tegas** ialah **Sultan Badlishah (Kedah), Sultan Abdul Aziz (Perak) dan Sultan Ibrahim (Johor)**. Mereka telah menuntut supaya **kuasa Raja-Raja Melayu** dikembalikan seperti sebelum tahun 1941.

Perlindungan kepada rakyat Melayu sebagai Rakyat Raja Melayu juga patut dikekalkan. Mereka tidak menolak kehadiran British tetapi menuntut supaya **kuasa mereka** serta **perlindungan kepada orang Melayu** dan **hal ehwal ketuanan Melayu** dipelihara.

Rakyat pula telah diwakili oleh para pembesar yang bertindak sebagai penasihat kepada raja masing-masing. Sebahagian daripada mereka merupakan **pemimpin UMNO** yang mendukung idea penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948. Mereka bersama-sama Raja-Raja Melayu mencadangkan dan mendesak British **melindungi kepentingan orang Melayu berserta Raja-Raja Melayu**. **Kerjasama mereka telah membolehkan prinsip-prinsip politik, pentadbiran, agama Islam dan Bahasa Melayu** serta **pengekalan institusi Raja Melayu** berjaya dimasukkan ke dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948. Antara tokoh tersebut termasuklah **Dato' Onn Ja'afar (Menteri Besar Johor dan juga Yang Dipertua UMNO)**, dan **Dato' Nik Ahmed Kamil (Menteri Besar Kelantan)**.

JELASKAN/ BUKTIKAN KEPENTINGAN SISTEM AHLI DALAM MENCAPAI KEMERDEKAAN NEGARA

(10 MARKAH)

Sistem Ahli merupakan **sistem yang melatih penduduk tempatan** dan kaum lain menerajui pentadbiran Tanah Melayu. Idea penubuhannya telah dicetuskan oleh **Dato' Onn Ja'afar** dalam perbincangannya dengan Sir Henry Gurney di Kuala Lumpur. Sir Henry Gurney mencadangkan agar **model Negara Kenya dan Rhodesia Utara** dilaksanakan di Tanah Melayu. Cadangan ini selaras

dengan hasrat British untuk menjalankan **dasar dekolonisasi**. Pihak British berpendapat bahawa Sistem Ahli ini akan **mengurangkan tekanan** daripada pihak Parti Komunis Melayu.

Sistem Ahli telah dibincangkan dan dipersetujui dalam mesyuarat **Majlis Raja-Raja Melayu pada bulan Februari 1950**. Pada bulan Julai 1950, satu rundingan antara pihak British dengan wakil penduduk Tanah Melayu telah diadakan di King's House, Kuala Lumpur. Sir Henry Gurney telah menjemput **Dato' Onn Ja'afar (Yang Dipertua UMNO), Dato' Hamzah Abdullah (Menteri Besar Selangor), Raja Uda dan Dato' Nik Ahmed Kamil** yang mewakili UMNO dan orang Melayu manakala **Dato' E.E.C. Thuraisingam** mewakili kaum India dan **Encik Yong Shook Lin dan Dr. Lee Tiang Keng** mewakili masyarakat Cina. Mereka bersetuju dengan pendekatan Sistem Ahli.

Sistem Ahli dilaksanakan dari bulan **Januari 1951 hingga bulan Jun 1955**, iaitu sebelum pilihan raya **Majlis Perundangan Persekutuan (MPP)** pada bulan Julai 1955. Ciri-ciri Sistem Ahli ialah **satu sistem kabinet bayangan** yang terdiri daripada beberapa **orang pegawai tadbir dan tokoh masyarakat** untuk memegang jawatan yang dibentuk. Ciri yang kedua ialah anggota Sistem Ahli dikenal sebagai **Ahli**. Contohnya, Ahli Hal Ehwal Dalam Negeri. Ciri yang ketiga pula ialah **pelantikan Ahli** dibuat oleh Pesuruhjaya Tinggi British dengan persetujuan Majlis Raja-Raja Melayu. Ciri seterusnya ialah ahli Sistem Ahli terdiri daripada **sembilan orang**, iaitu **lima orang penduduk Tanah Melayu dan empat orang pegawai British**. Daripada lima orang penduduk Tanah Melayu, tiga merupakan orang Melayu, orang Cina dan India.

Dalam sistem Ahli, ahli-ahli dilantik diberikan **tugas menjaga satu portfolio** yang mengandungi beberapa buah **jabatan kerajaan**. Mereka menguruskan **pentadbiran harian jabatan** tersebut mengikut **dasar-dasar** yang sedia ada. Mereka juga bertanggungjawab **mencadangkan undang-undang** yang berkaitan dengan jabatannya untuk dibentangkan dalam MPP. Dalam menyediakan cadangan undang-undang itu, Ahli akan **berbincang dengan pegawai kanan British** untuk mendapatkan persetujuan bersama. Pesuruhjaya Tinggi juga memberikan **arahan dan persetujuan** dalam perkara tersebut. Selalunya cadangan undang-undang itu merupakan **pendirian pentadbiran British**.

Keanggotaan Sistem Ahli pada peringkat awal ialah **Dato' Onn Ja'afar** memegang portfolio Ahli dalam Negeri, **O. A. Spencer** memegang portfolio Ahli Ekonomi, **Tunku Yaakob ibni Sultan Abdul Hamid** memegang portfolio Ahli Pertanian dan Perhutanan manakala **Dr. Lee Tiang Keng** memegang portfolio Ahli Kesihatan. Selain itu, **Dato' E.E.C. Thuraisingam** memegang portfolio Ahli Kesihatan, **J.D. Hodgkinson** memegang portfolio Ahli Perindustrian dan Hubungan Sosial, **J.D. Mead** memegang portfolio Ahli Perumahan dan Kerja Raya dan **Dato' Mahmud Mat** memegang portfolio Ahli Tanah, Perlombongan dan Perhubungan.

Sistem Ahli merupakan **tapak asas yang penting** untuk melatih orang tempatan ke arah berkerajaan sendiri. Sistem Ahli juga memulakan **proses perpaduan kaum** di Persekutuan Tanah Melayu. Hal ini adalah kerana ahli-ahlinya merupakan **gabungan pemimpin daripada pelbagai kaum** yang terdapat di negara ini. Perkara ini merupakan asas penting untuk **menentukan kemerdekaan** yang bakal dicapai mendapat sokongan seluruh penduduk Persekutuan Tanah Melayu.

Kesimpulannya, Sistem Ahli telah memberikan **pendedahan yang baik** kepada penduduk tempatan untuk **mentadbir dan menerajui kerajaan** walaupun masih dikuasai oleh British.

SUMBANGAN/ PERANAN SURUHANJAYA REID KE ARAH PEMBENTUKAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU YANG BERDAULAT

(10 MARKAH)

Suruhanjaya Reid telah dibentuk pada bulan Mac 1956 bagi **membincangkan dan menyusun** perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka. Suruhanjaya ini diketuai oleh **Lord Reid** sebagai Pengerusi, manakala ahli lain ialah Sir Ivor Jennings (England), Sir William McKell (Australia), Tuan B. Malik (India), dan Tuan Abdul Hamid (Pakistan). Tugas suruhanjaya ini adalah untuk **merangka** sebuah perlembagaan bagi Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka. Beberapa **isu** menjadi panduan suruhanjaya ini, termasuk pembentukan **Kerajaan Pusat** yang kuat dan **pemberian kuasa autonomi** kepada negeri dalam bidang tertentu. Suruhanjaya ini juga mengambil kira isu **kedudukan Raja-raja Melayu** dan **hak istimewa orang Melayu**. Pewujudan satu bangsa Persekutuan Tanah Melayu juga diberikan perhatian.

Suruhanjaya ini telah menerima **131 memorandum** daripada pelbagai pihak iaitu Raja-raja Melayu, orang perseorangan dan pertubuhan Politik. Cadangan Parti Perikatan diutamakan sebagai kerajaan. Cadangan Suruhanjaya Reid diterbitkan pada bulan Februari 1957 F11 Parlimen British menerima cadangan tersebut pada bulan Mei 1957. Parlimen British menerima cadangan tersebut pada Mei 1957. Majlis Mesyuarat Perundangan Persekutuan Tanah Melayu telah mengesahkannya pada 17 Ogos 1957. Perlembagaan Kemerdekaan lahir pada 1957.

Satu isu hangat dibincangkan iaitu berkaitan kerakyatan **Jus Soli**. Kerakyatan ini menjadi tuntutan orang dagang tetapi tidak dapat diterima oleh orang Melayu. Hal ini kerana prinsip kerakyatan Jus Soli memberikan **hak sama rata** kepada semua kaum dan boleh melemahkan kedudukan orang Melayu. Selepas berunding, Raja-raja Melayu telah menerima kerakyatan Jus Soli dengan syarat **orang bukan Melayu mengiktiraf kedudukan Istimewa** orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. Dengan tolak ansur ini, maka satu pakatan murni antara kaum telah terbina di Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka. Antara perkara lain yang dipersetujui ialah **agama Islam** sebagai agama rasmi Persekutuan Tanah Melayu dan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

TERANGKAN/ JELASKAN/ HURAIKAN ISI PERJANJIAN/ KANDUNGAN PERJANJIAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1957

(10 MARKAH)

Pembentukan sebuah Kerajaan Persekutuan. **Pemisahan** kuasa persekutuan dengan kuasa negeri melalui Senarai Persekutuan dan Senarai Negeri. **Institusi Raja** dijadikan Raja Berperlembagaan pada peringkat negeri dan Negara. Tiga jenis kerakyatan diwujudkan iaitu secara **Kuatkuasa Undang-Undang, Permohonan dan Naturalisasi**. Prinsip *jus soli* diterima. Kedudukan istimewa orang Melayu dikekalkan.

Selain itu, **agama Islam** sebagai agama rasmi Persekutuan dan Tanah Simpanan Melayu dikekalkan. Seterusnya, **Bahasa Melayu** sebagai bahasa kebangsaan. **Yang Dipertuan Agong** sebagai ketua negara. Pentadbiran negara bersifat demokrasi berparlimen iaitu **Dewan Rakyat dan Dewan Negara** terletak di bawah kuasa Parlimen. Pada peringkat negeri, Menteri Besar menjadi pelaksana pentadbiran dan beliau dibantu oleh Dewan Undangan Negeri dan EXCO.

KEPENTINGAN/ MANFAAT/ KELEBIHAN/ KEBAIKAN ISI PERJANJIAN/ KANDUNGAN PERJANJIAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1957 DALAM MEMBENTUK PEMBINAAN NEGARA BANGSA YANG BERDAULAT

(10 MARKAH)

Prinsip Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu merupakan satu langkah **pembinaan negara dan bangsa** yang kukuh, sistematik dan berperundangan. Selain itu, unsur **Kesultanan Melayu** dan sistem birokrasi Barat digabungkan untuk membentuk identiti negara dan bangsa Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka. Kerajaan demokrasi dengan **konsep Raja Berperlembagaan** dibentuk. Di samping itu, perjanjian ini juga memperlihatkan persetujuan semua kaum dalam **mewujudkan perpaduan** yang jitu antara kaum di Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

Menerusi Pakatan Murni pula keharmonian kaum dicapai **tanpa pertumpahan darah**. Perjanjian ini juga telah memberikan **hak mutlak** kepada penduduk tempatan mentadbir negara yang berdaulat dan merdeka mengikut acuan sendiri. Di samping itu, setiap kaum berusaha **melahirkan identiti masyarakat** yang merdeka. Perbezaan warna kulit, agama, bahasa dan bangsa diketepikan.

PERANAN/SUMBANGAN TOKOH KEMERDEKAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1957 DALAM PEMBINAAN NEGARA BANGSA YANG BERDAULAT

(10 MARKAH)

Antara tokoh penting kemerdekaan ialah **Tunku Abdul Rahman**, Presiden UMNO yang dipilih pada tahun 1951, Ketua Parti Perikatan dan Perdana Menteri. Beliau telah mengadakan **Konvensyen Kebangsaan** dan menubuhkan Parti Perikatan yang terdiri daripada UMNO, MCA dan MIC pada tahun 1955. Beliau juga telah **membentuk Kabinet** pada tahun 1955 setelah Perikatan memenangi pilihan raya pada tahun 1955. Selain daripada mengetuai perundingan menuntut kemerdekaan di London beliau juga telah **mengisytiharkan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu** pada 31 Ogos 1957.

Tokoh lain ialah **Tun Abdul Razak Husein**, Timbalan Presiden UMNO, Timbalan Pengerusi Perikatan dan Timbalan Perdana Menteri. Beliau menjadi **perunding** dalam tuntutan kemerdekaan di London pada tahun 1956. Beliau juga menjadi perunding dalam menyiapkan **Perlembagaan Kemerdekaan 1957**. Selain itu, beliau menjadi **Pengerusi Jawatankuasa Penyata Pendidikan 1956** yang menggubal sistem **Pendidikan Kebangsaan Negara**. Beliau telah dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia kedua pada tahun 1970. **Tun H.S. Lee** merupakan tokoh MCA yang telah memulakan **kerjasama antara kaum** sehingga mencetuskan idea penubuhan parti Perikatan. Parti MCA ini telah bekerjasama dengan **UMNO dan MIC** bagi mendapatkan kemerdekaan negara pada tahun 1957. Beliau juga menjadi salah seorang ahli rombongan yang menuntut kemerdekaan di London.

Bagi masyarakat India pula, sumbangan mereka dalam menuntut kemerdekaan Negara ditunjukkan oleh **Tun V.T Sambanthan**. Beliau merupakan yang bersama-sama Tunku Abdul Rahman mendapatkan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu. Tokoh ini **menyokong** sepenuhnya dasar kerjasama kaum sebagai tonggak kemerdekaan Negara dan menyeru kaum India supaya memberikan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi bagi kepada negara ini.

BUKTIKAN/ JELASKAN BAGAIMANA KITA DAPAT MEMUPUK SEMANGAT PATRIOTISME (10 MARKAH)

Generasi hari ini harus **memperkukuhkan jati diri** bangsa Malaysia dalam memupuk semangat patriotisme. Sentiasa **bangga akan budaya dan bangsa** serta menghargai warisan

Malaysia. Selain itu, generasi muda perlu menguasai **ilmu pengetahuan**, kemahiran dan teknologi terkini agar dapat menyumbang kepada kemajuan negara. Menjadikan **Rukun Negara** sebagai panduan dalam membentuk warganegara yang cintakan negara. Seterusnya, bertindak **mematuhi undang-undang** negara dan melahirkan generasi yang taat setia kepada negara. **Nilai-nilai murni** seperti bekerjasama, bertanggungjawab serta menghargai warisan bangsa Malaysia perlu diterapkan dalam diri agar melahirkan masyarakat yang memiliki **semangat patriotik** yang tinggi.

Institusi kekeluargaan memainkan peranan yang sangat penting dalam memupuk semangat patriotik dalam diri seseorang. Ibu bapa yang merupakan **tulang belakang** dalam keluarga mestilah mengorak langkah yang lebih kreatif dan inovatif agar semangat patriotik dapat disemat di dalam diri anak-anak. Antara langkah yang boleh diambil ialah membawa anak-anak **bercuti di tempat-tempat bersejarah** seperti Bandaraya Bersejarah Melaka. Anak-anak berpeluang untuk lebih dekat dengan sejarah seperti melihat sendiri peninggalan dalam aspek seni bina. Selain itu, ibu bapa mestilah menjadi **tauladan** kepada anak-anak. Menyemai perasaan cintakan negara sejak di awal usia dengan tidak membuang sampah merata tempat dan sayangi alam sekitar. Sehubungan itu, budaya **mengibarkan Jalur Gemilang** di rumah, kereta mahupun di basikal anak-anak dapat meniupkan semangat patriotik secara tidak langsung iaitu merasa bangga dan hormati identiti negara. Jelaslah, ibu bapa menjadi pencetus utama dalam memupuk semangat patriotik sejak kecil menerusi didikan awal yang bermula di rumah.

Institusi pendidikan, khususnya pada peringkat sekolah antara cara yang boleh diambil untuk memupuk semangat patriotik ialah melalui **mata pelajaran Sejarah**. Sehingga kini, mata pelajaran Sejarah merupakan wadah yang mendatangkan kesan positif dalam diri pelajar. Langkah murni Kementerian Pendidikan Malaysia **mewajibkan** semua pelajar lulus dalam mata pelajaran Sejarah bagi memperolehi **Sijil Pelajaran Malaysia** merupakan satu usaha yang sangat bernas. Pelajar cenderung untuk mempelajarinya dengan lebih mendalam agar lebih menghargai kemerdekaan yang diusahakan oleh tokoh kemerdekaan negara. Misalannya, melalui mata pelajaran sejarah para pelajar mengetahui bahawa kemerdekaan yang kita kecapi pada hari ini adalah berkat kesabaran, usaha keras, kerahan keringat, keberanian dan kebijaksanaan pejuang terdahulu. **Semangat patriotik** yang tinggi di kalangan pemimpin terdahulu pastinya dapat diserap oleh generasi muda kini. Justeru, dengan mempelajari mata pelajaran sejarah secara tidak langsung dapat memupuk semangat patriotisme dalam diri setiap masyarakat.

Pihak kerajaan juga tidak dikecualikan dalam usaha memupuk semangat patriotik dalam diri rakyat. Pihak kerajaan perlu **merangka program** membentuk jati diri rakyat supaya dapat mengukuhkan semangat patriotisme. Antara program yang dapat dijalankan adalah **Program Latihan Khidmat Negara**. PLKN perlu ditambah baik modul perlaksanaannya agar melahirkan warganegara yang mempunyai jati diri yang utuh serta semangat patriotisme yang tinggi. Selain itu, aktiviti **bulan kemerdekaan** perlu disambut dengan penuh bermakna yang melibatkan segenap lapisan masyarakat untuk turut sama merasai perasaan bangga sebagai rakyat Malaysia. Walau bagaimanapun, pihak kerajaan perlu mengambil **tindakan yang tegas** kepada warganegara yang menunjukkan perbuatan yang tidak patriotik seperti tidak menghormati lambang-lambang negara, memperlekehkan institusi beraja dan sebagainya agar menjadi pengajaran kepada yang lain. Oleh itu, pihak kerajaan dan masyarakat mestilah berganding bahu untuk memupuk semangat patriotik dalam kalangan masyarakat.

Media massa iaitu merangkumi **media cetak** mahupun **media elektronik** berperanan penting dalam menyuburkan semangat patriotik di kalangan masyarakat. Antara langkah yang boleh diambil ialah dengan **memaparkan iklan-iklan** berbentuk kesedaran pentingnya semangat patriotisme kepada masyarakat. Stesen radio mahupun televisyen perlu mendendangkan lagu-lagu patriotik di **corong-corong radio**. Sehubungan itu, filem-filem bercorak patriotik seperti **Bukit Kepong, Paloh, Embun, Sarjan Hassan** dan lain-lain lagi seharusnya menjadi pilihan untuk ditayangkan semula di siaran-siaran televisyen agar menjadi tatapan generasi muda. Hal ini kerana, **filem yang sarat**

dengan pengajaran boleh meniupkan semangat patriotik yang kian suram dalam mempertahankan maruah agama, negara dan bangsa. Maka, media massa berperanan penting untuk menyuburkan semangat patriotik dalam diri seseorang.

TERANGKAN/ NYATAKAN CABARAN/ HALANGAN DALAM MEMUPUK SEMANGAT PATRIOTISME

(10 MARKAH)

Cabaran utama dalam memupuk semangat patriotisme ialah generasi hari ini **kurang kesedaran** tentang pentingnya semangat cintakan negara terhadap pembentukan negara bangsa yang merdeka. **Sikap pentingkan diri dan materialistik** yang semakin menebal dalam diri masyarakat hari ini merupakan antara halangan dalam memupuk semangat patriotisme.

Selain itu, **kurang penghayatan** tentang sejarah negara menyebabkan masyarakat tidak mengambil iktibar daripada peristiwa sejarah yang lalu. Segala pengorbanan tokoh-tokoh yang mempertahankan negara tidak dikenali malah tidak dihargai perjuangannya. Lantaran itu, **mata pelajaran Sejarah** dianggap membosankan serta **tidak diminati** oleh sebahagian besar pelajar menyukarkan usaha menyemai perasaan cinta dan sayangkan negara.

Kemasukan **budaya luar** seperti **budaya barat dan k-pop** telah meminggirkan budaya ketimuran dalam diri rakyat Malaysia. Generasi hari ini cenderung meminati lagu dan filem dari luar negara berbanding dengan lagu dan filem bergenre patriotik negara. Budaya luar yang diserap kebanyakannya bertentangan dengan budaya dan agama rakyat Malaysia iaitu seperti pergaulan bebas, muzik keras dan fesyen yang tidak sesuai dengan budaya ketimuran. Justeru, pengaruh budaya luar telah menghakiskan perasaan bangga akan negara Malaysia.

Fahaman politik yang berbeza di kalangan rakyat Malaysia sehinggakan **menimbulkan sikap perkauman** merupakan penghalang dalam memupuk semangat patriotisme. Wujud individu yang membangkitkan **isu-isu sensitif** secara terbuka menyebabkan perbalahan antara kaum. Hal ini secara tidak langsung mengikis semangat patriotisme di kalangan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum seterusnya mencetuskan keadaan yang tidak aman.

Gejala rasuah dan pemimpin yang kurang berwibawa merupakan cabaran dalam memupuk semangat patriotisme. Kelemahan dalam **sistem pentadbiran** negara menyebabkan rakyat kurang percaya dan yakin terhadap kewibawaan pemerintah negara. Sehubungan itu, rakyat **kurang menyokong** dasar-dasar kerajaan dan menyebabkan berlakunya kepincangan dalam memajukan negara. Selain itu, rakyat juga bertindak tidak menghormati lambang-lambang negara sekaligus menghalang usaha menyemai semangat patriotik di kalangan masyarakat Malaysia.

JELASKAN/ TERANGKAN/ HURAIKAN LANGKAH-LANGKAH MEMUPUK SEMANGAT PATRIOTISME

(10 MARKAH)

Generasi hari ini perlu mengukuhkan jati diri sebagai warganegara Malaysia. Menguasai **ilmu pengetahuan**, kemahiran dan teknologi terkini agar dapat **menyumbang** kepada kemajuan negara. Selain itu, **patuh** kepada undang-undang negara dan menjadikan **Rukun Negara** sebagai panduan dalam membentuk warganegara yang cintakan negara. Seterusnya, mengamalkan **nilai-nilai murni** dalam kehidupan seperti **taat dan setia** kepada negara, bekerjasama, bertanggungjawab serta menghargai **warisan bangsa** agar dapat melahirkan masyarakat Malaysia yang memiliki **semangat patriotik** yang tinggi.

Mempelajari dan **memahami Sejarah** negara supaya menyuburkan sikap cinta dan sayangkan negara. Mata pelajaran Sejarah dijadikan sebagai **wajib lulus** di peringkat **Sijil Pelajaran Malaysia** adalah usaha untuk melahirkan masyarakat yang celik sejarah. Hal demikian

dilaksanakan seiring membentuk masyarakat yang mengenali dan **menghargai perjuangan** tokoh kemerdekaan seterusnya bertindak **memelihara kedaulatan** negara.

Media massa berperanan penting dalam menyekat pengaruh luar daripada disebarkan kepada masyarakat Malaysia. Media massa menekankan **elemen tempatan** dan budaya ketimuran dalam paparan media cetak mahupun media elektronik. Filem dan **lagu-lagu bersifat patriotik** sering di tayangkan agar masyarakat Malaysia **mengenal budaya bangsa** sendiri berbanding dengan pengaruh luar.

Mengutamakan **perpaduan kaum** adalah asas dalam memupuk semangat patriotisme di kalangan masyarakat Malaysia. Mengamalkan **sikap saling menghormati** dan bertoleransi membentuk budaya bangsa yang penyayang. **Semangat kekitaan** yang disemai mampu membentuk masyarakat yang bersatu-padu dalam mempertahankan kedaulatan negara.

Akhir sekali, pemimpin haruslah **berwibawa dan bijaksana** dalam mentadbir negara agar rakyat sentiasa **setia dan patut** pada negara. **Amalan rasuah** dan pilih kasih haruslah dielakkan supaya rakyat **menyakini dan menghormati** kepimpinan negara. Negara yang **aman dan makmur** diperintah oleh pemimpin yang berkaliber seterusnya mengharumkan nama negara. Oleh itu, lahirlah masyarakat yang bangga dan cintakan negara.

TERANGKAN LANGKAH/ BAGAIMANAKAH CARA UNTUK MEMUPUK PERPADUAN KAUM DI NEGARA KITA

(10 MARKAH)

Sistem pendidikan merupakan cara untuk merealisasikan hasrat memupuk perpaduan kaum. Pengenalan satu sistem **pendidikan yang sama** oleh Kementerian Pendidikan Malaysia telah mewujudkan **perpaduan kaum**. Sebagai contoh, **aktiviti kumpulan** yang dijalankan dapat memperkasa hubungan kaum di peringkat sekolah. Selain itu, **penggunaan bahasa Malaysia** iaitu bahasa rasmi negara kita sebagai **bahasa perantaraan** di sekolah-sekolah kebangsaan turut membolehkan pelbagai kaum berinteraksi antara satu sama lain seperti **slogan bahasa jiwa bangsa**. Izharnya, memang tidak boleh kita nafikan bahawa sistem pendidikan negara kita menjadi pemangkin dalam proses **memperkasa hubungan** sesama kaum.

Perpaduan kaum juga dapat dipupuk melalui **aktiviti kemasyarakatan** yang memerlukan setiap kaum mengambil bahagian dalam setiap aktiviti yang dijalankan. Cara ini dapat **memupuk semangat kerjasama** dan saling membantu antara satu sama lain. Aktiviti memperteguh **jalinan kemesraan** harus dijalinan seperti aktiviti **gotong royong** yang memerlukan sumbangan setiap pihak untuk menjayakan aktiviti tersebut supaya perpaduan secara maksimum dapat dilahirkan. Pendek kata, aktiviti kemasyarakatan dapat menjadi wadah yang terbaik bagi memupuk semangat perpaduan yang perlu ada dalam diri setiap rakyat seiring dengan hasrat negara untuk mewujudkan **masyarakat yang bersatu padu** walaupun berlainan bangsa mahupun agama.

JELASKAN/ TERANGKAN/ BUKTIKAN CABARAN YANG DIHADAPI DALAM MEMUPUK PERPADUAN KAUM

(10 MARKAH)

Politik perkauman boleh menimbulkan perasaan kurang senang dikalangan rakyat dan menyebabkan perpaduan kaum tidak dapat dicapai. Terdapat parti-parti politik yang **menggunakan**

isu-isu perkauman seperti bahasa, kebudayaan, pendidikan, **agama**, kerakyatan, dan ekonomi sebagai modal politik dan menimbulkan rasa kurang senang dikalangan masyarakat.

Penyalahgunaan **media sosial** telah mula menular sejak akhir-akhir ini. Media sosial seperti **web dan blog serta facebook** menyebabkan timbulnya kerenggangan kaum kerana banyak menimbulkan isu sensitif. Beberapa laman web yang bebas bergerak telah memperkatakan begitu banyak isu bersifat sensitif di samping **menaburkan fitnah** serta berita palsu menyebabkan wujudnya keresahan dalam masyarakat di negara ini. Beberapa kenyataan **bersifat rasis** dan berunsur perkauman begitu berleluasa pada masa sekarang. Hal ini menyebabkan berlaku pertentangan pendapat dalam kalangan rakyat di negara ini. Ianya bakal menyebabkan **wujudnya rasa benci** dan dendam dalam masyarakat yang mampu **menggugat keamanan** negara.

JELASKAN/ HURAIKAN/ TERANGKAN LANGKAH-LANGKAH MEMUPUK PERPADUAN KAUM

(10 MARKAH)

Sebagai langkah pertama dalam membentuk perpaduan, rakyat haruslah **bergaul dan memupuk** persefahaman antara kaum. Dalam keadaan tersebut, **ibu bapa** perlulah sentiasa **menerapkan nilai-nilai** perpaduan dalam diri anak-anak sejak kecil lagi. Anak-anak digalakkan **berkomunikasi** dengan jiran yang berlainan bangsa dan ibu bapa juga disarankan membawa anak-anak mereka **mengunjungi rumah** jiran semasa hari lebaran atau perayaan. Dengan cara itu, ibu bapa dapat menjadi **suri teladan** kepada anak-anak dan membolehkan mereka menghayati **keistimewaan** masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai jenis kaum dan etnik.

Selain itu, ibu bapa juga boleh berkomunikasi dengan anak-anak dalam **pelbagai bahasa**, misalnya bahasa Malaysia, bahasa Inggeris, dan bahasa-bahasa ibunda. Apabila golongan muda **menguasai pelbagai bahasa**, mereka dapat berkomunikasi dengan rakan yang berlainan bangsa dengan mudah. Pokoknya, nilai-nilai perpaduan dan permuafakatan hendaklah didedahkan kepada generasi muda **sejak awal** lagi agar jiwa perpaduan dalam diri mereka dapat berkembang dengan sempurna.

Di samping itu, golongan pelajar perlulah **belajar dan menghayati** sejarah negara agar dapat memahami **erti perpaduan** negara. Sebagai satu daripada langkah untuk mewujudkan permuafakatan bangsa, Kementerian Pelajaran Malaysia telah mewajibkan pelajar-pelajar agar **lulus dalam mata pelajaran Sejarah** di peringkat **Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)** mulai tahun 2013. Langkah ini diharapkan dapat **menyedarkan** anak-anak bangsa tentang akibat kurangnya perpaduan kaum dalam kalangan masyarakat. Mengetahui dan memahami peristiwa yang berlaku dalam sejarah negara seperti tragedi berdarah **13 Mei 1969**, sudah tentu golongan muda dan belia akan lebih menghargai perpaduan dan keharmonian yang dikecapi selama ini. Pemahaman rakyat Malaysia tentang sejarah tanah air dapat menyemai semangat perpaduan dalam diri mereka.

BUKTIKAN/ BAGAIMANA SEMANGAT PATRIOTISME DAPAT MEMBANTU MEMAJUKAN NEGARA

(10 MARKAH)

Patriotisme menjadi pemacu kepada kemajuan negara serta satu pelaburan strategik ke arah keselamatan negara. Hal ini kerana patriotisme dapat mewujudkan **semangat cinta akan negara**. Dengan wujudnya semangat cinta akan negara dalam kalangan rakyat, negara akan terus aman dan damai. **Keamanan dan kedamaian** yang dinikmati ini sudah pasti akan dapat menarik pelabur

asing untuk melabur modal dalam negara kita. Hal ini akan membuka **peluang pekerjaan** kepada masyarakat negara kita dan seterusnya dapat meningkatkan taraf hidup rakyat dan memajukan negara. **Pelaburan asing** ini pastinya dapat meningkatkan ekonomi negara kita.

Semangat patriotisme juga dapat membantu memajukan negara kerana melalui semangat patriotisme ini kita dapat melahirkan **generasi yang berhemah tinggi** dan berakhlak mulia. Nilai murni yang diamalkan oleh masyarakat akan dapat meningkatkan kemajuan negara kerana melalui pengamalan **nilai-nilai murni** ini dapat mengelakkan masyarakat daripada terjebak dengan **gejala rasuah** yang boleh meruntuhkan ekonomi negara. Rasuah adalah musuh ekonomi. Oleh itu, generasi muda seharusnya menjadikan nilai patriotisme sebagai **amalan atau pegangan** serta disemai dalam jiwa segenap lapisan masyarakat Malaysia demi kelangsungan negara dalam menghadapi era pasca modenisme.

Semangat patriotisme juga dapat mewujudkan masyarakat yang **berdisiplin** dalam setiap tindakan. Masyarakat yang berdisiplin akan berusaha bersungguh **melaksanakan tugas** dan sentiasa produktif dalam bidang yang diceburi. Disiplin yang tinggi dalam kalangan pekerja akan dapat **meningkatkan produktiviti**. Hal ini akan dapat memajukan ekonomi negara dan memastikan rakyat hidup dalam kesejahteraan.

Semangat patriotisme juga dapat memupuk **perpaduan kaum**. Semangat patriotisme ini akan membentuk rakyat yang mementingkan kepentingan negara mengatasi kepentingan sendiri. Dengan wujudnya perpaduan kaum, maka kerajaan akan dapat melaksanakan pelbagai **program pembangunan** untuk kemudahan rakyat. Suasana yang harmoni antara kaum akan dapat diwujudkan dan dapat merangsang perkembangan **sektor pelancongan** negara. Hal ini akan dapat meningkatkan kemajuan negara.

Kestabilan ekonomi sesebuah negara tidak dapat dikekalkan jika masalah-masalah dalaman yang telah mereka hadapi atau sedang harungi, tidak di rungkai. Rakyat Malaysia perlu sedar betapa **pentingnya nilai patriotisme bagi memupuk semangat perpaduan** yang tinggi sekali gus menentukan hala tuju negara ke arah negara maju yang kukuh. Kejayaan yang telah dicapai pada hari ini bukanlah bergantung kepada individu semata-mata, tetapi merangkumi semua aspek kehidupan seperti patriotisme rakyat.

JELASKAN/ HURAIKAN/ BUKTIKAN/ BAGAIMANA PERPADUAN KAUM DAPAT MEMBANTU MEMAJUKAN NEGARA?

(10 MARKAH)

Perpaduan yang kukuh di Malaysia akan **membentuk kestabilan** dalam politik negara. Hal ini demikian kerana barisan kepimpinan tertinggi negara terdiri daripada pelbagai kaum menunjukkan satu proses sikap penerimaan antara kaum. Oleh itu, apabila perpaduan dicapai dalam segala keputusan, maka urusan **pembangunan negara** akan berjalan dengan lebih lancar. Jelaslah perpaduan merupakan satu elemen yang sangat penting dalam mencapai kemajuan negara.

Pentadbiran tertinggi Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum telah membuktikan perpaduan yang erat dalam negara kita. **Kepelbagaian ini akan melahirkan barisan kepimpinan** yang berwibawa yang membolehkan mereka berkongsi idea dan merancang program pembangunan dan kemajuan negara. Perkongsian idea ini akan mempercepat proses kemajuan negara kita. Oleh itu, kepimpinan berwibawa daripada pelbagai kaum mampu menjana kemajuan negara kita.

Malaysia merupakan sebuah negara yang unik kerana memiliki komposisi penduduk yang terdiri daripada **kepelbagaian budaya dan bangsa**. Namun demikian, keharmonian yang terhasil daripada perpaduan antara rakyat Malaysia merupakan satu keistimewaan kerana akan membina sebuah negara yang aman damai dan sejahtera. Keunikan ini akan menjadi **daya tarikan** utama kepada pelabur asing untuk melabur di negara kita. Seterusnya akan membantu meningkatkan

ekonomi negara kita sekaligus mencapai kemajuan negara kita. **Kemasukan pelabur asing** akan menjadi satu penanda aras kemajuan negara kita.

Malaysia pada masa sekarang berada dalam proses pembangunan yang akan menghadapi pelbagai cabaran dan rintangan global yang besar. Dengan itu, negara kita amat memerlukan kesatuan dari semua golongan masyarakat tanpa mengira agama dan bangsa. Perpaduan dan hubungan harmonis wujud antara rakyat, ia adalah **simbol kejayaan** di peringkat global. Dengan ini, sesebuah negara tersebut bukan sahaja akan disegani oleh negara lain malah akan menjadi model dan rujukan kepada negara lain. Hubungan antara negara akan berjaya dianjurkan dan pelbagai peluang kerjasama akan wujud lalu membawa keuntungan ekonomi, sosial mahupun politik.

Perpaduan kaum juga memainkan peranan dalam **mengukuhkan ekonomi** negara dengan penglibatan semua kaum dalam kegiatan ekonomi. Jurang perbezaan akan terhapus dalam fungsi ekonomi mengikut kaum. Hal ini akan melahirkan **kesaksamaan ekonomi** dalam kalangan rakyat. Seterusnya, kesaksamaan ini akan meningkatkan **taraf pembangunan** ekonomi negara. Tuntasnya, penglibatan semua kaum dalam ekonomi akan memangkin proses kemajuan negara kita.

Selain itu, masyarakat Malaysia perlu menjadi penggerak utama dalam mengekalkan keharmonian masyarakat berbilang kaum dan agama. Hal ini demikian kerana **usaha semua rakyat Malaysia** untuk mencapai matlamat ke arah status negara maju akan tercapai. Seterusnya, pembangunan ekonomi negara yang stabil dan konsisten akan dapat dikekalkan. Oleh itu, keharmonian dalam masyarakat berbilang kaum amat penting bagi memastikan kesinambungan kemajuan negara.

Kesimpulannya, perpaduan kaum merupakan elemen yang penting dan harus diberi perhatian. Hal ini kerana pemupukan **permuafakatan hubungan etnik** antara masyarakat adalah amat penting bagi negara kita. Hubungan kaum yang harmoni adalah kunci kepada kemajuan dan **kestabilan negara**. Bagi mencapai kemajuan, negara memerlukan rakyat yang dedikasi dan komited untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing.

BUKTIKAN/ JELASKAN/ HURAIKAN/ TERANGKAN KEJAYAAN/PENCAPAIAN HASIL DARIPADA SEMANGAT PATRIOTISME

(10 MARKAH)

Semangat patriotisme yang tinggi mampu mempengaruhi masyarakat untuk **mengutamakan kepentingan negara berbanding kepentingan diri** demi mengharumkan nama negara. Kejayaan yang dikecapi negara di arena antarabangsa dalam bidang politik hasil semangat patriotisme begitu terserlah sekali apabila negarawan seperti Tun Dr. Mahathir Mohammad dengan berani menyuarakan isu-isu sejagat sebagai usaha memupuk kesejahteraan dunia. Suara Malaysia didengar di persada antarabangsa kerana menentang keras Dasar Apartheid yang diamalkan di Afrika Selatan. Seterusnya, Malaysia menyokong Palestin bagi mewujudkan keamanan di rantau Asia Barat.

Malaysia berpegang kepada prinsip dan piagam PBB bagi memelihara keamanan dunia serta turut **berperanan membantu menyelesaikan konflik antarabangsa** dengan menyertai pasukan pendamai di bawah panji-panji PBB untuk menamatkan perang saudara di Congo, seterusnya membawa misi Keamanan ke negara seperti Somalia, Bosnia, Kampuchea, Angola dan Timor Leste. Anggota tentera Malaysia juga dilihat sanggup menjadi pengaman di PBB demi membantu mangsa perang di negara yang sedang bergolak seperti Syria.

Selain itu, negara Malaysia terus melakar kejayaan hasil semangat patriotisme yang tinggi apabila **berjaya menganjurkan sukan dan persidangan bertaraf antarabangsa** seperti Sukan Komanwel, menjadi tuan rumah persidangan antarabangsa CHOGM yang membawa kepada pengisytiharan Deklarasi Langkawi. Malaysia pernah menjadi tuan rumah Persidangan OIC serta tuan rumah Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN dan tuan rumah Sidang Kemuncak NAM.

Menerusi bidang ekonomi, persediaan menghadapi badai langit terbuka telah dilakukan dengan **penubuhan Koridor Raya Multimedia (MSC)** agar setanding dengan Lembah Silikon di Amerika Syarikat untuk mewujudkan masyarakat Malaysia yang celik IT. Sekaligus melahirkan masyarakat yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa.

Negara terus melakar kemasyhuran menerusi **penghasilan mercu tanda negara** melalui pembinaan Menara Berkembar Petronas (KLCC) sebagai bangunan tertinggi di dunia. Hasil keluaran negara terus dipertingkatkan dengan pengeluaran kereta nasional pertama Proton Saga yang merintis industri permotoran negara dan menjadi produk kebanggaan Malaysia. Negara turut memajukan industri berat dengan menubuhkan HICOM.

Negara turut mengambil langkah proaktif dalam menggalakkan lagi pelaburan asing ke Malaysia, **zon perdagangan bebas telah diperkenalkan** di Bayan Lepas dan Sungai Way. Negara Malaysia terus memanfaatkan sumber negara dengan menjadi pengeluar utama dunia bagi hasil komoditi seperti getah, kelapa sawit dan koko di samping penubuhan syarikat tempatan seperti Petronas dan Felda serta bank-bank jenama tempatan seperti CIMB dan Maybank yang merupakan antara bank terkukuh di dunia.

Negara Malaysia juga diisytiharkan sebagai negara pertama di dunia yang **memperkenalkan Sistem Ekuiti Islam**. Turut merencanakan lagi pencapaian Malaysia hasil semangat patriotisme dengan pembinaan Litar Antarabangsa Sepang yang berjaya menaikkan imej negara khususnya dalam penganjuran sukan lumba kereta Formula One selain mengangkat nama Petronas dalam melahirkan tenaga mahir dalam bidang permotoran dan pelbagai lagi mercu tanda dan kejayaan yang dicapai menjadi produk kebanggaan rakyat Malaysia.

Pencapaian Malaysia dalam bidang sosial tidak kurang hebatnya apabila terus **mencipta nama di persada antarabangsa** hasil daripada semangat patriotisme yang tinggi apabila atlet negara Dato' Lee Chong Wei, muncul sebagai pemain nombor satu dunia dalam sukan badminton, Dato' Nicol David pemain nombor satu dunia dalam sukan skuasy, pelayar solo negara Dato' Azhar Mansor berjaya mengelilingi dunia, Dato' Abdul Malik Mydin berjaya menyeberangi Selat Inggeris, Dato' Maznah Zulkifli berjaya ke Kutub Utara dan Dato' Sheikh Muzaffar Shukor Sheikh Mustapha yang merupakan angkasawan pertama negara yang telah dihantar ke Stesyen Angkasa Antarabangsa (ISS) sekaligus membuktikan semangat patriotisme yang tinggi dalam kalangan rakyat Malaysia untuk mengharumkan nama negara.

NYATAKAN/ BUKTIKAN/ TERANGKAN/ JELASKAN KEJAYAAN/PENCAPAIAN HASIL DARIPADA PERPADUAN KAUM

(10 MARKAH)

Pembinaan negara bangsa Malaysia adalah hasil daripada perpaduan kaum. Kini segala usaha yang digarap oleh pemimpin terdahulu dalam merealisasikan perpaduan kaum amat berharga buat negara. Kejayaan demi kejayaan terus dapat ditempa hasil daripada perpaduan kaum di Malaysia. Bermula daripada **kejayaan penubuhan Parti Perikatan** hasil gabungan parti UMNO, MCA dan MIC yang memenangi pilihan raya pada tahun 1955 telah membawa Tunku Abdul Rahman selaku Ketua Parti Perikatan mengetuai rombongan rundingan kemerdekaan ke London yang akhirnya membuahkan kemerdekaan kepada Tanah Melayu hasil daripada perpaduan kaum.

Perpaduan kaum menjadi kunci kepada kekukuhan ekonomi negara apabila rakyat dapat **menikmati agihan kestabilan politik, kemewahan ekonomi dan keadilan sosial yang sama dan seimbang**. Kestabilan politik lebih terjamin di bawah satu perlembagaan yang diterima oleh semua kaum di samping pengamalan lima prinsip Rukun Negara hasil daripada kecekapan pemimpin berwibawa. Pemimpin negara dapat mentadbir negara mengikut acuan sendiri melalui pelbagai program pembangunan ekonomi dan sosial. Pelaburan asing di negara ini dapat ditingkatkan kerana kewujudan politik yang stabil. Rakyat dapat menikmati kemajuan ekonomi tanpa bergantung kepada kuasa barat. Rakyat mampu berdaya saing di peringkat global melalui penghasilan produk

halal untuk pasaran antarabangsa yang telah membuka peluang perniagaan kepada usahawan Malaysia. Penciptaan dan penemuan baharu dalam bidang pertanian, perindustrian dan pembuatan telah menggalakkan lagi pembangunan R&D. Taraf hidup masyarakat terus meningkat kerana peluang pekerjaan yang disediakan dalam pelbagai bidang seperti pemodenan dalam bidang pertanian melalui penggunaan teknologi moden telah meningkatkan hasil pengeluaran pertanian.

Kejayaan negara terus di lakari dengan **penyeragaman dasar pendidikan** yang menjadikan **Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar** di semua sekolah bagi menggalakkan komunikasi berkesan antara kaum serta sistem persekolahan kebangsaan yang diterima pakai oleh semua kaum bagi memenuhi aspirasi negara “pendidikan sebagai agen perpaduan”. Sistem pendidikan negara terus dikembangkan lagi dengan penubuhan Sekolah Bestari, Sekolah Wawasan dan Sekolah Kluster. Tuntasnya, masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai keturunan dan kaum yang bersekolah di sekolah yang sama dapat mengenali adat resam, budaya dan agama kaum-kaum lain di Malaysia. Keadaan ini membolehkan Malaysia berjaya menjadi hub pendidikan dunia disebabkan keamanan dan keharmonian masyarakatnya yang berbilang kaum yang menarik kedatangan pelajar asing kerana negara ini menyediakan pendidikan bertaraf antarabangsa. Pendidikan terus memacu rakyat untuk menjadi bangsa yang moden, beradab dan dihormati.

Tidak dinafikan, perpaduan kaum turut menyumbang kepada **kejayaan dalam bidang sukan**. Tanpa mengira agama, bangsa dan keturunan, seluruh pelusuk negara terus bergabung memberi sokongan padu kepada atlet negara seperti Dato’ Lee Chong Wei dan Dato’ Nicol David yang akhirnya membolehkan mereka muncul sebagai pemain nombor satu dunia dalam sukan badminton dan skuasy. Malaysia juga turut mengorak langkah ke hadapan apabila berjaya menjadi tuan rumah bagi sukan berprestij dan bertaraf dunia seperti Sukan Komanwel dan Sukan SEA.

Perpaduan kaum yang dikecapi turut memberi **kebebasan kepada rakyat di negara ini dalam beragama** waima Agama Islam merupakan agama rasmi negara. Kebebasan turut diberikan kepada rakyat dalam pemilihan pemimpin seterusnya menyuburkan amalan demokrasi di negara ini di samping kebebasan asasi dan hak untuk bersuara dan memiliki harta.

Industri pelancongan terus berkembang pesat serta menjana pendapatan kepada negara hasil perpaduan kaum yang dikecapi. Hal ini kerana, tiada rusuhan kaum berlaku dalam negara, tiada peperangan dan keselamatan negara sentiasa terkawal menjadikan negara terus makmur. Malaysia mampu menjaga maruahnya daripada sebarang bentuk pertumpahan darah. Negara turut menjadi tarikan pelancong apabila semua kaum turut bersama meraikan hari perayaan dengan mengunjungi rumah terbuka tanpa mengira kaum di samping pelbagai juadah makanan dan adat budaya yang unik. Sistem pengangkutan dan perhubungan bertaraf antarabangsa untuk kemudahan rakyat berbilang kaum di negara ini turut menggamit pelancong untuk datang ke negara ini bagi menikmati keindahan alam semula jadi dan menghayati sejarah tapak warisan UNESCO yang menjadi khazanah berharga dan menjadi identiti rakyat Malaysia hari ini.

JELASKAN PERANAN/ TANGGUNGJAWAB SAYA/ RAKYAT/ MASYARAKAT DALAM MENINGKATKAN/ MENZAHIRKAN SEMANGAT PATRIOTISME/ NASIONALISME

(10 MARKAH)

Antara peranannya adalah **menghormati raja dan pemimpin negara** yang menjadi lambing perpaduan rakyat. Selain itu, **menyanyi lagu Negaraku** dengan berdiri tegak dan penuh bersemangat. **Menghormati lambang-lambang negara** seperti **Jata Negara** dan Bendera Kebangsaan. Di samping itu, **membeli barangan** buatan Malaysia agar ekonomi berkembang maju dan mematuhi undang-undang Negara supaya Negara aman. Seterusnya, bangga **berbahasa Melayu** demi mengukuhkan peranannya sebagai Bahasa Kebangsaan.

Kita/Saya juga perlu **menyambut hari kemerdekaan** dengan penuh penghayatan sambil mengibarkan **Jalur Gemilang**. Kemudian, bangga sebagai rakyat Malaysia dengan menyokong

dasar-dasar kerajaan dan hidup **bersatu padu** secara harmoni dengan kaum atau bangsa lain. Selain itu, **menghormati budaya** dan agama kaum lain supaya dapat mengukuhkan **jati diri**. Di samping itu, menghayati **Rukun Negara** dengan melaksanakannya dalam kehidupan seharian. Akhirnya, mempelajari mata **pelajaran sejarah** dengan penuh penghayatan dan memperoleh keputusan yang cemerlang.

HURAIKAN/JELASKAN PERANAN RAKYAT (MASYARAKAT) MENINGKATKAN PERPADUAN KAUM

(10 MARKAH)

Setiap rakyat perlu mengambil bahagian dalam meningkatkan perpaduan kaum di Malaysia melalui pelbagai **aktiviti sosial** seperti **menziarahi Rumah Terbuka** yang dianjurkan oleh kerajaan dan jiran tetangga. Amalan ini dapat memupuk **persefahaman** rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan agama. Amalan **kunjung-mengunjungi** ketika merayakan **Hari Raya Ailidilfitri**, Tahun Baru Cina, Deepavali dan Hari Natal dapat memupuk silaturahim tanpa mengira kaum, agama, usia, jantina dan status sosial. Semasa menghadiri rumah terbuka, kita boleh **mengenali adat resam** setiap kaum dengan lebih mendalam sekali gus dapat menjana sikap **bertimbang rasa** dan saling menghormati antara satu sama lain. Tegasnya, penganjuran rumah terbuka ini mampu mewujudkan **suasana harmoni** dan menjadi lambang keunikan negara kita serta mewujudkan rasa bersyukur dan bangga menjadi rakyat Malaysia.

Selain itu, perpaduan kaum dapat dipertingkatkan menerusi pengamalan **Kebudayaan Kebangsaan** seperti **kebudayaan Melayu**, Cina dan India. Walaupun terdiri daripada latar belakang yang berbeza, namun apabila dikaitkan dengan kebudayaan, semua rakyat boleh menerimanya tanpa wujud prasangka melalui **Dasar Kebudayaan Kebangsaan**. Apabila diadakan sesuatu **persembahan** untuk meraikan hari kebesaran atau menerima kedatangan orang kenamaan, akan dipersembahkan tarian oleh pelbagai kaum seperti **tarian Zapin** dan tarian Inang oleh masyarakat Melayu. Tarian kipas, tarian singa dan tarian piring oleh masyarakat Cina, Tarian Bharatanatiam dan Tarian Kollattam oleh masyarakat India serta Tarian Sumazau dan Tarian Ngajat milik peribumi Sabah dan Sarawak. **Sikap keterbukaan rakyat** Malaysia menerima dan menghormati aneka budaya ini, secara tidak langsung dapat menarik minat pelancong asing yang berkunjung ke negara ini. Terbukti, kepelbagaian kebudayaan dapat mewujudkan **semangat patriotik** yang akhirnya mampu memupuk perpaduan kaum dan mengenali antara satu sama lain kerana tak kenal maka tak cinta.

Seterusnya, perpaduan kaum dapat ditingkatkan menerusi **aktiviti Hari Keluarga**. Hari keluarga merupakan aktiviti yang sihat yang wajar dilaksanakan oleh komuniti. Aktiviti hari keluarga boleh disertai oleh **semua lapisan** masyarakat dalam sesebuah taman atau komuniti untuk mengeratkan hubungan sesama kaum. Hari keluarga boleh diadakan pada **hujung minggu** dan cuti umum seperti Cuti Hari Pekerja setiap 1 Mei. Hari Keluarga ini boleh dijalankan di kawasan berhampiran tempat tinggal seperti di padang sekolah, taman rekreasi atau di sesebuah tempat perkelahan. Ibu bapa boleh membawa anak dan menyertai aktiviti yang dijalankan bak pepatah 'melentur buluh biar dari rebungunya'. Secara tidak langsung, setiap ahli masyarakat dapat mengenali, dan berkomunikasi dengan jiran tetangga mereka yang selama ini hanya berpeluang untuk melihat muka tanpa berbual-bual ketika keluar rumah. Jelasnya, aktiviti hari keluarga yang dijalankan dapat mengeratkan silaturrahim dan sekali gus menjayakan kempen 'Sayangi Malaysiaku'.

Melalui **aktiviti sukan dan permainan** juga perpaduan dapat ditingkatkan. Penganjuran **sukaneka** dan permainan tradisional kaum di Malaysia seperti pertandingan **sepak raga bulat** dan permainan pecah periuk pastinya akan menarik perhatian rakyat tempatan serta turut menjadi tumpuan pelancong asing. Kemeriahan dan persaingan kumpulan yang disertai oleh pelbagai kaum dapat memupuk **kerjasama ahli kumpulan**, ia juga dapat mengeratkan hubungan penonton dan penyokong yang terlibat semasa aktiviti berlangsung. Maka, keadaan ini membuktikan slogan “sukan untuk perpaduan” menjadi satu realiti. Dengan perpaduan negara menjadi aman damai dan pentadbiran negara berjalan lancar serta politik stabil.

TERANGKAN/ JELASKAN KESAN SEKIRANYA TIDAK MEMPUNYAI SEMANGAT PATRIOTISME YANG TINGGI

(10 MARKAH)

Kesan sekiranya rakyat Malaysia tidak mempunyai semangat patriotisme yang tinggi akan menyebabkan rakyat akan **berpecah belah**. Keadaan ini boleh mengancam **keamanan** dan keharmonian negara serta mewujudkan individu yang **mementingkan diri sendiri**.

Selain itu, keadaan ini sebegini boleh **membantutkan perkembangan ekonomi** negara. Ketiadaan semangat patriotisme boleh mengancam **kedaulatan** negara. Keadaan ini boleh menjejaskan **imej negara** di mata dunia.

Di samping itu, ketiadaan semangat patriotisme yang tinggi juga akan membawa kepada keadaan politik negara yang tidak stabil akibat pentadbiran yang kucar kacir. Rakyat akan **hilang rasa hormat** terhadap pemimpin negara dan oleh itu boleh mengakibatkan **demonstrasi jalanan** berleluasa. Masyarakat Malaysia akan **hilang jati diri** jika mereka tidak mempunyai semangat patriotisme. Minda dan **pemikiran** mereka dengan mudahnya akan dijajah dan terpengaruh dengan **budaya asing** seperti budaya lepak dan rempit yang memudaratkan.

Seterusnya, sekiranya tiada semangat patriotisme yang tinggi akan menyebabkan **keselamatan negara** akan tergugat dan ini akan menyebabkan negara akan terdedah kepada penjajahan kuasa asing. Oleh itu kita perlulah mempunyai semangat patriotisme yang tinggi.

Kesan yang lain sekiranya rakyat Malaysia tidak memiliki semangat patriotisme akan menjadikan **hasil ekonomi** negara dieksploitasikan oleh kuasa asing. Hal ini akan menjadikan ekonomi negara **tidak maju** oleh penguasaan kuasa penjajah atas ekonomi negara. Hal ini akan menjadikan sistem pentadbiran negara **merosot**.

Justeru itu semangat patriotisme perlu tersemat dalam diri rakyat Malaysia dan dihayati sebaik yang mungkin.

BUKTIKAN KEPENTINGAN PERPADUAN KEPADA NEGARA.

(10 MARKAH)

Perpaduan rakyat amat penting kepada sesebuah negara kerana dapat **mengekalakan keharmonian** dan **keamanan negara**. Pada hajat saya, senario tersebut dapat dikaitkan dengan **kemajuan ekonomi** negara. Hal ini boleh dijelaskan melalui **peningkatan jumlah pelabur** asing yang berminat untuk menjana perniagaan mereka di Malaysia kerana persekitaran perniagaan yang aman akan mendatangkan keuntungan yang maksimum kepada mereka. Masyarakat Malaysia berjaya melancarkan satelit MEASAT dan Tiungsat dan mengeksport kereta buatan Malaysia seperti Proton kepada luar negara. Hal ini bukan sahaja dapat menyumbang kepada ekonomi negara malah mampu **meningkatkan imej negara** di mata dunia kerana masyarakat bersatu padu dan membantu menjana ekonomi negara. Hal ini juga mampu menarik minat pelabur asing untuk melabur ke negara kita kerana mempunyai **kestabilan politik** dan negara kita aman damai. Jumlah pelaburan asing yang tinggi di Malaysia juga membuka **peluang pekerjaan** yang luas kepada rakyat negara. Secara tidak langsung, ekonomi negara bukan sahaja mampu meningkat secara global tetapi **taraf hidup**

rakyat juga dapat diperbaiki disebabkan peluang-peluang yang menjelma. Hal ini membuktikan perpaduan rakyat menyumbang kepada penjana ekonomi negara.

Perpaduan negara juga **menarik kedatangan pelancong** di seantero dunia untuk mengunjungi negara Malaysia yang unik ini. Malaysia juga kaya dengan destinasi pelancongan seperti Pulau Redang, A Famosa di Melaka dan Padang Kota Lama di Pulau Pinang. Sekiranya masyarakat negara kita bersatu padu dan mengekalkan keharmonian, maka pelancong akan berasa selamat untuk datang mengunjungi negara kita. Rakyat yang ramah mesra dan sedia membantu pelancong asing juga akan mendatangkan kunjungan pelancong asing yang banyak. Hal ini juga dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara kita.

TERANGKAN KESAN/ IMPLIKASI/ AKIBAT/ IMPAK JIKA TIDAK WUJUD PERPADUAN KAUM DALAM KALANGAN RAKYAT DI NEGARA INI

(10 MARKAH)

Kesan yang pertama sekiranya tidak wujud perpaduan kaum dalam kalangan rakyat di negara ini ialah **keharmonian negara** terjejas. Keharmonian negara terjejas bermaksud **tidak ada kesepaduan** dalam kalangan rakyat. Contohnya rakyat tidak mempunyai matlamat yang serupa dan tidak dikongsi bersama. Hal ini boleh menyebabkan keamanan negara, kerjasama sesama masyarakat tidak dapat dipupuk dan akan membawa kepada **suasana huru-hara** dalam negara. Keadaan ini akan mengundang kebimbangan dalam kalangan **pelabur asing** dan hal ini akan membawa kepada kemerosotan ekonomi negara.

Kesan yang kedua ialah **keselamatan negara** terancam. Pertahanan bagi sesebuah negara juga banyak bergantung kepada rakyatnya. Secara langsungnya, hubungan tegang antara rakyat akibat daripada **perselisihan** sememangnya mampu menggugat keselamatan negara. Hal ini demikian kerana hubungan yang harmonis di kalangan rakyat secara tidak langsungnya akan mewujudkan sebuah tembok pertahanan yang kukuh dan dapat menjamin keselamatan sesebuah negara. Negara yang **kacau bilau** bukan sahaja terdedah kepada ancaman dari dalaman tetapi juga dari luar yang melihat ini sebagai peluang untuk **campur tangan** sekali gus membuka peluang untuk menguasai negara tersebut sama ada secara halus atau pun terang-terangan.

Kesan yang ketiga sekiranya tidak wujud perpaduan dalam kalangan rakyat di negara ini ialah akan **menjejaskan imej** negara. Bagi sebuah negara yang tidak aman, ia akan menjadi tajuk perbualan di peringkat global. **Imej negara** terjejas dan keadaan ini menjadi buruk apabila kita akan ditolak sama sekali untuk mengadakan kerjasama dengan negara-negara maju yang lain. Negara akan menjadi **mundur** sementara negara-negara yang tidak mengalami pergolakan kaum akan mencapai kejayaan secara berterusan. Tanpa keamanan, negara tersebut sukar untuk melakukan sesuatu yang dapat membanggakan mahupun menarik perhatian negara lain.

Sekiranya tidak wujud perpaduan dalam kalangan rakyat di negara ini, secara tidak langsung **menjejaskan sistem** pendidikan di Malaysia. Selari dengan misi Kementerian Pelajaran Malaysia ialah membangunkan pendidikan yang berkualiti dan bertaraf dunia di samping memperkembangkan potensi individu dan memenuhi aspirasi negara. KPM menetapkan matlamat, iaitu melahirkan bangsa Malaysia yang taat setia, bersepadu, beriman, berakhlak mulia, berilmu, berketerampilan, sejahtera, menyediakan sumber tenaga manusia untuk keperluan kemajuan negara dan memberi peluang pendidikan kepada semua warganegara. Jelas sekali misi Kementerian Pelajaran Malaysia amat menitikberatkan hal kesepaduan dan perpaduan. Apabila wujudnya masalah perpaduan dalam negara maka timbul ketidaksemaan matlamat dan pendapat dalam masyarakat dalam meningkatkan pendidikan dalam negara atau dalam erti kata lain menjejaskan pembangunan pendidikan dalam negara.

Selain itu, ketidakstabilan politik merupakan antara kesan jika tidak wujud perpaduan dalam kalangan rakyat di negara ini. Seperti mana yang kita tahu sistem politik dalam negara berfungsi untuk mentadbir negara. Namun sekiranya wujud masalah perpaduan maka ia juga akan menjejaskan kestabilan. Sebagai contoh, sekiranya tidak wujud perpaduan akan wujud **parti-parti**

kecil di mana parti-parti ini membawa gerakan atau wakil daripada etnik masing-masing untuk mempertahankan hak masing-masing. Apabila wujud terlalu banyak parti-parti secara tidak terkawal, boleh menyebabkan **pertelingkahan atau perang parti** sehingga boleh menyebabkan kecederaan dan kematian. Melalui hal ini, pentadbiran negara terpaksa melakukan langkah-langkah konkrit untuk menstabilkan semula aktiviti-aktiviti politik dalam negara. Contohnya, penubuhan Jabatan Perpaduan Negara. Semakin lama masa yang diambil untuk menjalankan langkah konkrit tersebut maka semakin menjadi-jadi masalah politik dalam negara.

Kesan yang berikutnya ialah keadaan masyarakat sekeliling **berasa tidak tenteram**, tidak bebas serta tidak bangga dengan apa yang dicapai disebabkan tiada perpaduan di dalam negara. Ketidakwujudan perpaduan menyebabkan rakyat berasa terkongkong dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah terhad. Hal ini menyebabkan perasaan tidak puas hati akan wujud dalam kalangan rakyat dan akhirnya mencetus kepada pertelingkahan dalam etnik. Sebagai contoh, **peristiwa 13 Mei 1969** di mana rusuhan kaum telah tercetus akibat ketidakadilan dalam arus aktiviti ekonomi di mana setiap etnik telah dipisahkan iaitu kaum Melayu bekerja sebagai nelayan dan petani, kaum India pula bekerja di kawasan estet dan kaum Cina pula bekerja di bahagian perlombongan. Hal ini telah menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan pelbagai kaum disebabkan pembahagian dalam sektor ekonomi yang tidak adil. Oleh itu, jelas betapa penting perpaduan untuk mengelakkan peristiwa 13 Mei berulang.

Akhir sekali, kesan yang turut timbul ialah wujudnya masyarakat yang **tidak bermoral**, tidak bertolak ansur, tidak beretika, tidak kukuh dalam nilai agama dan kejiwaan. Apabila tidak wujud perpaduan maka secara tidak langsung akan wujud masyarakat yang tidak bermoral dan tidak bertolak ansur. Apabila wujud masyarakat seperti ini, **pergaduhan dan pertelingkahan** di kalangan rakyat boleh berlaku pada bila-bila masa sahaja. Hal sebegini perlu dibendung segera supaya ianya tidak menjadi semakin parah.

SARANKAN LANGKAH-LANGKAH MENGEKALKAN PERPADUAN

(10 MARKAH)

Malaysia, merupakan sebuah negara yang makmur, aman, dan unik. Tanah air kita terdiri daripada kaum Melayu, Cina dan India serta golongan minoriti seperti Bidayuh, Iban, Melanau, Dayak dan Kadazandusun. Kerencaman etnik, kepelbagaian budaya, kekayaan warisan dan keindahan landskap sosial yang serba-serbi telah menjadi aset berharga yang dicemburui warga seantero dunia. Penduduk pelbagai bangsa perlulah menggembeleng kudrat bagi meningkatkan perpaduan yang telah terjalin sejak sekian lama ini. Oleh hal yang demikian, perpaduan kaum sememangnya penting dan perlu dikekalkan agar dasar kerajaan dapat dijalankan dengan lancar.

Umum mengetahui bahawa cara yang bertunjangan kewarasan minda perlulah diambil iaitu **aktiviti gotong-royong**. Aktiviti ini merupakan saluran dan peluang kepada masyarakat di sesuatu kawasan perumahan untuk bertemu dan **mengenali antara satu sama lain**. Selain itu, penduduk akan menjalankan tanggungjawab masing-masing dan bekerjasama bagai aur dengan tebing untuk membersihkan kawasan perumahan untuk menjamin kebersihan dan keceriaan kawasan tempat tinggal. Cogan kata **"Negara Bersih Rakyat Sihat"** haruslah dipraktikkan dalam amalan gotong-royong agar masyarakat akan bebas daripada penyakit seperti demam denggi. Selain itu, **sambutan perayaan** kaum seperti **Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina dan Deepavali** mampu mengeratkan hubungan silaturahim rakyat pelbagai kaum melalui penganjuran Program Rumah Terbuka. Bertitik tolak daripada itu, masyarakat dapat menjana tahap kefahaman terhadap budaya, cara hidup dan adat resam kaum lain serta membina masyarakat yang saling menghormati. Justeru, masyarakat tidak patut syak wasangka terhadap kaum lain sebaliknya mengamalkan sikap buang yang keruh, ambil yang jernih untuk mengekalkan perpaduan negara kita. Dengan berbuat demikian, ternyatalah bahawa aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan setempat dan menganjurkan Program Rumah Terbuka memang mampu mengekalkan perpaduan di negara kita.

Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa kaedah yang lebih pragmatik perlu dilaksanakan, iaitu **melalui aktiviti sukan**. Negara Malaysia sering menghantar atlet-atlet yang mewakili negara bertanding dalam pelbagai kejohanan di peringkat antarabangsa. Atlet-atlet sukan yang menjuarai pelbagai acara dalam sukan peringkat antarabangsa **seperti Sukan SEA, Sukan Komanwel, dan Sukan Olimpik** akan dapat meningkatkan nama Malaysia ke mata dunia. Hal ini juga dapat membuktikan bahawa negara kita mampu melahirkan jaguh sukan yang mampu bersaing supaya Malaysia dapat duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan negara-negara maju yang lain. Dalam konteks ini, sukan sememangnya tidak membezakan masyarakat dari segi kaum dan warna kulit kerana kita bersama-sama **menyokong pasukan** negara kita yang sama. Di samping itu, peserta-peserta sesebuah permainan berpasukan seperti **permainan hoki, bola sepak dan bola keranjang** yang terdiri daripada pelbagai kaum juga dapat menjalinkan perpaduan untuk mendapatkan mata bagi pasukan masing-masing. **Dasar Sukan Negara** yang diwujudkan pada tahun 1988 juga bertujuan mewujudkan budaya sukan dalam kalangan rakyat Malaysia. Maka, aktiviti sukan hendaklah diamalkan kerana **"Badan Cergas Otak Cerdas"** dan mampu menjadi wadah yang mampu mengeratkan hubungan antara kaum, bak kata pepatah "sambil menyelam minum air". Lantaran berpaksikan kebenaran yang disampaikan, jelaslah bahawa aktiviti sukan mampu mengekalkan perpaduan dalam negara kita.

Sesungguhnya **Sambutan Hari Kemerdekaan** yang diadakan pada tanggal 31 Ogos 1957 merupakan hari yang amat penting kepada rakyat Malaysia. Sambutan Hari Kemerdekaan akan mengumpulkan masyarakat untuk menyambut Hari Kemerdekaan bersama-sama dengan **menyanyi lagu-lagu patriotik** dan menyaksikan perarakan di Dataran Merdeka. Pada peringkat sekolah pula, murid-murid boleh membuat **persembahan drama** tentang sejarah tanah air kita, menghiasi kelas menggunakan bendera dan mengadakan **pertandingan melukis** poster sempena Hari Kemerdekaan. Sambutan Hari Kebangsaan bukan sahaja dapat memupuk perpaduan pelbagai kaum, malah dapat melahirkan semangat nasionalisme dan patriotisme yang tinggi dalam kalangan masyarakat Malaysia. Dengan kupasan yang menarik, sememangnya diakui bahawa "bersatu teguh, bercerai roboh". Sambutan Hari Kemerdekaan memang menyumbang kepada usaha dalam mengekalkan perpaduan dalam negara kita.

IKTIBAR

HURAIKAN IKTIBAR YANG DIPEROLEH DARIPADA PAKATAN MURNI

Iktibar dalam Pakatan Murni

Iktibar yang diperoleh daripada Pakatan Murni penting kepada negara yang mempunyai rakyat pelbagai kaum. **Kerjasama** dan **permuafakatan** antara kaum menjadi teras dalam Pakatan Murni untuk menyelesaikan permasalahan yang wujud. Masalah ini dapat diselesaikan **melalui rundingan**. Hal ini dapat **mengelakkan perbalahan** antara kaum kerana lahirnya perasaan **hormat-menghormati** dalam kalangan masyarakat.

Perpaduan kaum yang kukuh dapat **menarik pelabur asing** dalam bidang ekonomi untuk melabur di negara kita. Hal ini, dapat mewujudkan **peluang pekerjaan** dan **menjana pendapatan** negara serta dapat **memacu pembangunan ekonomi** dalam pembinaan negara bangsa yang kukuh.

Pakatan murni merupakan **tolak ansur** yang dijadikan penyelesaian untuk **menyatupadukan** pelbagai kaum dalam membina negara bangsa yang **utuh**.

[10 markah]

APAKAH IKTIBAR YANG DIPEROLEH DARIPADA PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA MALAYSIA?

(10 MARKAH)

Iktibar yang diperoleh daripada pembinaan negara dan bangsa Malaysia ialah **kebijaksanaan** pemimpin pelbagai kaum telah berjaya memerdekakan negara. Seterusnya pemimpin negara yang **berwibawa**, tidak bertindak **terburu-buru** dalam menangani sesuatu isu. Pemimpin bersifat **adil** seperti mengutamakan **suara majoriti** dan kepentingan rakyat dalam membuat keputusan.

Di samping itu, wujud **kerjasama** antara kaum dan sanggup **berkorban** demi memperjuangkan kedaulatan negara. Kerjasama ini telah menyemai sikap **toleransi** dalam membentuk pakatan murni dan berjaya mewujudkan sebuah negara dan bangsa Malaysia yang **bersatupadu**. Hal ini dapat memastikan perpaduan kaum terus **kukuh** dan **dihormati** dalam membentuk sebuah negara Malaysia yang berdaulat. Perpaduan ini dapat menjamin **kestabilan** dan **kemakmuran** negara.

RUMUSAN

(5 MARKAH)

Pelajar hendaklah menulis rumusan berdasarkan kehendak soalan

Rumusan berdasarkan Bab 3: Kesedaran Pembinaan Negara dan Bangsa

Pengetahuan yang diperoleh ialah **konsep bangsa Malaysia** merupakan konsep baru bagi rakyat berbilang kaum di negara ini. Bangsa Malaysia terdiri daripada masyarakat berbilang kaum yang **berlainan** bahasa, budaya, kepercayaan dan pendapat terhadap keduniaan.

[2 markah]

Selain itu, kejayaan pembentukan negara dan bangsa di Malaysia adalah bergantung pada **kesediaan** dan **tolak ansur** setiap warganegara yang terdiri daripada pelbagai kaum.

[2 markah]

Nilai murni yang diperoleh ialah setiap kaum mestilah sanggup berkongsi **secara bijak** dalam aspek politik, ekonomi, dan sosial bagi **memperkukuh** pembinaan negara dan bangsa Malaysia.

[2 markah]

Unsur patriotisme yang diperoleh ialah kita bersama-sama **bertanggungjawab** memelihara keamanan dan kemakmuran negara.

[1 markah]

Harapan saya ialah kita hendaklah mempunyai pemimpin yang **berwibawa** untuk menstabilkan politik negara dan **bijak** memanfaatkan peluang untuk memajukan ekonomi Malaysia.

[2 markah]

Seterusnya, pemimpin dan rakyat Malaysia perlu menerima **perubahan** dan **bersikap optimis** dalam membangunkan negara bagi membina negara bangsa.

[2 markah]

Rumusan berdasarkan Bab 5 Pembinaan Negara dan Bangsa Malaysia yang Berdaulat

Pengetahuan yang diperoleh ialah membina sebuah negara dan bangsa yang merdeka bukanlah suatu yang **mudah**. Langkah para pemimpin Persekutuan Tanah Melayu yang memilih **musyawarah** sebagai pendekatan mengatasi segala kemelut politik merupakan langkah yang **bijak** dan amat berkesan. Pakatan Murni merupakan jalan penyelesaian untuk **menyatupadukan** pelbagai kaum di Tanah Melayu.

[4 markah]

Nilai murni yang diperoleh ialah pembinaan sebuah negara dan bangsa yang merdeka melibatkan **permuafakatan** melalui **rundingan** daripada pelbagai pihak dan **kerjasama** yang erat antara pemimpin dengan rakyat.

[2 markah]

Unsur patriotisme iaitu sikap **tolak ansur** dalam Pakatan Murni yang memerlukan **pengorbanan** pelbagai kaum berjaya **menyatupadukan** penduduk Tanah Melayu yang terdiri daripada pelbagai kaum.

[3 markah]

Harapan saya ialah pemimpin dan rakyat hendaklah **bersatu padu** dan **berusaha gigih** untuk mengekalkan **keamanan** negara dan **memajukan** Malaysia di persada antarabangsa.

[3 markah]

Selain itu, pemimpin hendaklah **berwibawa** dan **bijak** mengisi kemerdekaan yang telah dicapai oleh pemimpin terdahulu bagi **mengekalkan** pembinaan negara bangsa Malaysia yang berdaulat.

[2 markah]

Rumusan berdasarkan Bab 6 Pengukuhan Negara Dan Bangsa Malaysia

Pengetahuan yang diperoleh ialah pembentukan Malaysia hasil cadangan dan **usaha bersungguh-sungguh** Tunku Abdul Rahman dan pemimpin pelbagai bangsa yang lain **seperti** T Sambanthan, Tan Siew Sin dan Tun Abdul Razak.

[2 markah]

Pembentukan Malaysia walaupun pada mulanya merupakan sesuatu yang **sukar** tetapi menerusi **diplomasi** oleh pelbagai pihak masalah tersebut dapat diatasi.

[2 markah]

Nilai murni yang diperoleh ialah pemimpin perlu **bermuafakat** dalam menjayakan sesuatu dasar.

[1 markah]

Selain itu, **kerjasama** antara pemimpin dan rakyat dapat memastikan kedaulatan negara terjamin.

[1 markah]

Harapan saya ialah rakyat Malaysia yang pelbagai kaum hendaklah berusaha **mempertahankan** kedaulatan negara daripada sebarang bentuk penjajahan. Saya juga berharap Sabah dan Sarawak akan terus **kekal** berada dalam negara Malaysia.

[2 markah]

RUMUSKAN TENTANG KONSEP PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA MALAYSIA YANG BERDAULAT (5 MARKAH)

Pengetahuan

Konsep bangsa Malaysia merupakan **konsep baru** bagi rakyat berbilang kaum yang mempunyai perbezaan dari segi bahasa, budaya, kepercayaan dan pendapat terhadap keduniaan.

Pembentukan bangsa Malaysia merupakan **hasil perjuangan** dan **pengorbanan** generasi terdahulu dalam menuntut kemerdekaan.

Perjuangan membentuk sebuah negara dan bangsa yang merdeka **memerlukan kebijaksanaan** pemimpin dalam penyelesaian kemelut politik negara melalui rundingan.

Nilai

Kejayaan pembentukan negara bangsa di Malaysia bergantung kepada **kesediaan** setiap warganegara yang terdiri daripada pelbagai kaum mengamalkan sikap **tolak ansur** dan kesederhanaan.

Kebijaksanaan pemimpin yang mengutamakan rundingan, **permufakatan** dan tolak ansur telah membolehkan kemerdekaan dicapai tanpa pertumpahan darah.

Selain itu, sifat **diplomasi** dalam kalangan rakyat dan pemimpin berjaya **menyatupadukan** penduduk negara kita yang terdiri daripada pelbagai kaum.

Harapan

Semua kaum perlu **berkongsi secara bijak** dalam bidang politik, ekonomi dan sosial bagi **memperkuh** pembinaan negara dan bangsa Malaysia yang sejahtera.

Perkongsi bijak ini dapat mengelakkan daripada **perbalahan** antara kaum. Oleh itu, perbezaan warna kulit, bahasa, agama, dan budaya hendaklah diketepikan demi keamanan dan pembangunan negara yang **mampan**.